



جاتن حال احوال مسجد
كمترين حال احوال اكام
نكارا بروني دارالسلام

وَادْهَ مَسْجِدٍ

WADAH MASJID

KELUARAN 10

JAN - DIS 2017



**MAJLIS KESYUKURAN SEMBAHYANG FARDHU MAGHRIB
DAN ISYAK BERJEMAAH, MEMBACA SURAH AL-WAQIAH,
SURAH AL-MULK, T AHLIL DAN DOA KESYUKURAN
SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
MENAIKI TAHTA**

MUKASURAT 62

NASKAH INI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN HADITH. JAGALAH DENGAN BAIK DAN SEMPURNA

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

HAJI AMIR HISHAM BIN HAJI MASRI
Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid

PENOLONG PENASIHAT

PENGIRAN HAJI HASLIN BIN PENGIRAN HAJI ALI
Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid

KETUA PENYELARAS

HAJI NORAZALANY BIN HAJI MD YASSIN

PENOLONG PENYELARAS

HAJI ABDULLAH FEKREE BIN HAJI ABDUL HAMID

PENYEMAK

RIZA MASDI BIN HAJI MAMIT

ABDUL HAZIMIN PUTRA BIN HAJI ABDUL HAMID

PENYUSUN

MUHAMMAD ZULMUQRI BIN HAJI TAMAIN @JAMAIN

SUMBER BERITA DAN FOTOGRAFI

BAHAGIAN IDARAH

BAHAGIAN IMARAH

BAHAGIAN RIAYAH

BAHAGIAN BIMBINGAN & LATIHAN

BAHAGIAN PENYELIDIKAN & PERKEMBANGAN

BAHAGIAN PERPUSTAKAAN

BAHAGIAN HAL EHWAH MUSLIMAH

JAME' ASR HASSANIL BOLKIAH

PEJABAT HAL EHWAH MASJID DAERAH:

BRUNEI MUARA | TUTONG | BELAIT | TEMBURONG

JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI

SEMBAHYANG SUNAT TAHIYATUL MASJID

Sembahyang Sunat Tahiyatul Masjid adalah sembahyang sunat 2 rakaat yang didirikan sebaik saja kita memasuki sebuah masjid, iaitu sebelum seseorang itu duduk atau melakukan sesuatu. Tahiyat membawa erti "penghormatan", oleh itu Tahiyatul Masjid membawa erti penghormatan kepada masjid.

Diriwayatkan Dari Abu Qatadah r.a. berkata, bahawasanya Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam pernah bersabda: "Kalau sekiranya salah satu di antara kalian masuk ke dalam masjid maka dilarang untuk duduk di dalamnya sebelum mengerjakan solat dua rakaat (solat Tahiyatul Masjid).

Lafaz niat sembahyang sunat tahiyatul masjid:

أَصَلِّيْنُ سُنَّةَ تَحِيَّةِ الْمَسْجِدِ رَكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya:

"Sahaja aku sembahyang sunat Tahiyat Masjid dua rakaat kerana Allah Ta'ala."

صلوات هيبة

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّاةً تُلْقَىٰ إِلَيْهِ الرُّغْبَ وَالْهَيْبَةَ فِي قُلُوبِ الْكَافِرِينَ وَالظَّالِمِينَ وَالْمُنَافِقِينَ وَالْمُفْسِدِينَ وَعَلَىٰ إِلَهِ وَصَاحِبِهِ وَسَلِّمْ.

مقصودش:

"واهي الله! رحمتيله كائس ثغهولو كامي نبي محمد ﷺ ، دعن رحمة يع منچمقتن دان ککروتن کتاکوتن دان کدام هاتي ۲ اورع ۲ کافر، فارا مشرکین، اورع يع ظالم، فارا منافقین، اورع ۲ يع ملاکون کروسقن دان رحمتيله اهلي کلوارک دان فارا صحابتن دان سجهتارکله اي."

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI MAJLIS
SAMBUTAN NUZUL AL-QUR'AN
BAGI TAHUN 1438H / 2017M

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahirrahmanirrahim,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa
Aalihee Wasahbihee Ajma'een,
Waba'du.

Beta bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin-Nya juga, dapatlah kita berkumpul lagi di majlis yang berkat ini. Perkumpulan ini lebih bererti lagi, kerana ia berlangsung dalam bulan Ramadhan yang mubarak.

Nuzul Al-Qur'an adalah satu sejarah, di mana memperingati atau menyambutnya adalah sama dengan menghargai sejarah.

Nuzul Al-Qur'an adalah 'sejarah besar'. Umat Islam tidak patut mengabaikannya. Adapun nilai sejarah itu, lebih-lebih lagi jika ia berkaitan dengan Islam, adalah harganya terlalu tinggi, kerana sifatnya yang luhur, berbanding dengan lain-lain sejarah.

Sejarah adalah cermin zaman dan kehidupan. Daripadanya kita mengenali corak zaman dan kehidupan itu. Ia mesti sentiasa terbuka atau dibuka, kerana jika pintu sejarah tertutup atau ditutup, maka ini, boleh menjadikan orang buta sejarah. Bayangkanlah, kalau kita umat Islam ini tidak kenal sejarah Islam, dimanakah kita selaku orang Islam itu?

Kerana itu, Beta pernah menekankan, supaya semua Hari-Hari Kebesaran Islam hendaklah disambut dan dibesarkan, kerana ia adalah sebahagian daripada sejarah Islam itu sendiri.

Berbalik kepada Al-Qur'an, Negara Brunei Darussalam telah pun sekian lamanya mulakan pembelajaran Al-Qur'an, bermula dari sistem tidak formal sehingga kepada sistem formal melalui sekolah-sekolah satu mata



"Kerajaan Beta tanpa kendur-kendurnya, terus mempromosi belajar Al-Qur'an itu dari peringkat bawah lagi sampai ke peringkat atas, dan juga secara berterusan mengadakan rancangan-rancangan penggalak bagi kemahiran membaca dan menghafaz Al-Qur'an. Bagi Brunei, kita tidak mahu bidang-bidang lain sahaja yang maju, sedang bidang Al-qur'an dan ugama tertinggal di belakang."

pelajaran kerajaan dan bukan kerajaan, dari peringkat rendah sehingga ke peringkat tinggi. Selain dari belajar Al-Qur'an di sekolah-sekolah sehingga ke peringkat tinggi, membaca Al-Qur'an juga diserapkan kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan sebagai amalan harian sebelum pegawai-pegawai dan kakitangan mulakan tugas masing-masing.

Perkara ini dilihat, supaya membaca Al-Qur'an itu menjadi budaya kepada orang-orang Brunei, sambil juga bertabarruk dengannya, selaku ia adalah penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman.

Kita menyedari, pada zaman ini, orang-orang yang membaca Al-Qur'an, berbanding dengan yang membaca bahan-bahan bacaan lain, tentu saja yang membaca Al-Qur'an adalah lebih sedikit jumlahnya. Kerana Al-Qur'an itu ditulis dan dibaca dalam bahasa Arab, yang memerlukan ianya dipelajari dengan lebih tekun dan sabar. Kerana itu tidak heran, kalau orang lebih memilih bahan bacaan lain daripada Al-Qur'an.

Maka menyedari hal inilah, Kerajaan Beta tanpa kendur-kendurnya, terus mempromosi belajar Al-Qur'an itu dari peringkat bawah lagi sampai ke peringkat atas, dan juga secara berterusan penggalak bagi kemahiran membaca dan menghafaz Al-Qur'an. Bagi Brunei, kita tidak mahu bidang-bidang lain sahaja yang maju, sedang bidang Al-qur'an dan ugama tertinggal di belakang.

Itu tidak boleh berlaku di Brunei. Di Brunei, pelajaran ugama dan Al-Qur'an itu tidaklah boleh dipandang ringan dengan sebelah mata sahaja. Ia mesti selama-lamanya unggul dan menyerlah, sesuai dengan tarafnya selaku Ugama dan Kalam Allah.

Kerana itu kita mahu, supaya tenaga-tenaga petugas, pentadbir dan pemegang dasar dalam perkara ini hendaklah memiliki pandangan jauh, bersemangat keislaman tulen dan bukannya lemah serta sempit pemikiran atau lebih mementingkan diri.

Satu lagi perkara penting, pihak berkenaan ugama, boleh saja mendengar atau membaca pandangan-pandangan daripada siapa juar tentang pendidikan ugama, tetapi bukanlah bersikap mesti mengikut atau menerima apa saja pandangan itu, walaupun ia tidak sesuai atau bertentangan dengan dasar dan seumpamanya.


Inilah namanya kita perlu konsisten untuk bertindak dan berfikir secara profesional.

Untuk akhirnya, pada kesempatan ini, Beta sukacitanya mengucapkan tahniah kepada peserta yang berjaya mendapat tempat di Musabaqah menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Negara dan Peringkat Negara Anggota MABIMS.

Mudah-mudahan dengan adanya usaha seperti ini akan mengukuhkan lagi penghayatan dan kemantapan hafalan setiap peserta.

Sekian, Wabillahit Taufeq
Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

MASJIDKU MAKMUR, NEGARA BERKAT



AHAD, 22 JANUARI. - Dalam usaha memakmurkan masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pusat Da'wah Islamiah dan Bahagian Kemajuan Syiar Islam dengan kerjasama Masjid Omar 'Ali Saifuddien telah mengelolakan Program Keagamaan 'Masjidku Makmur, Negara Berkat'. Program yang diadakan itu turut memberikan peluang kepada para pengunjung ke acara mingguan Bandarku Ceria dengan memulakan hari mereka menuai tuntutan sembahyang fardhu, berwirid dan seterusnya mendengarkan tazkirah agama.

Hadir dan menyertai bersama-sama para jemaah pada program tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong. Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan Datin, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Tazkirah agama bertajuk 'Keberkatan Waktu Subuh' yang disampaikan oleh pegawai dari PDI, Awang Haji Badaruddin bin Haji Basar, antaranya menyentuh kelebihan ibadah sembahyang yang didirikan secara berjemaah di masjid, di samping meraih keberkatan dan ketenangan lebih-lebih lagi Sembahyang Fardhu Subuh. Beliau turut menghuraikan kelebihan mendirikan Sembahyang Sunat sebelum Subuh yang mempunyai banyak kelebihan berupa ganjaran yang sangat besar kepada mereka yang melakukannya. Menurut pihak penganjur dengan adanya program seperti ini diharap akan dapat memakmurkan masjid yang merupakan rumah Allah dan seterusnya menggandakan amal kebajikan dan meraih keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'alaa.

BELIA MASJID KAMPONG BENGKURONG JUARA PIALA ZAIN



AHAD, 8 JANUARI. - Pasukan Belia Masjid Kampong Bengkurong (Zon 3) muncul juara dan sekali gus merebut Piala Zain setelah mengalahkan Pasukan Belia Masjid Kampong Pengkalan Batu (Zon 1) menerusi tendangan penalty 4 - 3 pada perlawanan akhir Bola Sepak Piala Zain bagi Belia Masjid Senegara Tahun 2017. Sementara itu, Pasukan Bahagian Jabatan Hal Ehwal Masjid 'A' muncul juara Piala Pengarah Hal Ehwal Masjid setelah menghampaskan Pegawai-Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Daerah Temburong 1 - 0 pada perlawanan akhir Bola Sepak bagi Pegawai Masjid dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Senegara Tahun 2017.

Pemenang tempat ketiga Perlawanan Bola Sepak Piala Zain disandang oleh Pasukan Belia Masjid Daerah Temburong, manakala Jabatan Pengajian Islam (JPI) memenangi tempat ketiga Perlawanan Bola Sepak bagi Pegawai Masjid dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Senegara Tahun 2017.

Perlawanan Bola Sepak Persahabatan Ukhwah yang disandang oleh penyokong-penyokong Liverpool F.C. setelah berjaya mengalahkan penyokong-penyokong Manchester United F.C. dengan jaringan 1 - 0 yang juga diadakan petang itu. Hadir menyaksikan perlawanan dan menyampaikan hadiah dan piala kepada para pemenang di Padang Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof. Objektif perlawanan adalah untuk meningkatkan diri agar sentiasa aktif melakukan sukan dalam melahirkan warga sihat juga membuka minda agar sentiasa bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti yang berkebajikan.

Melalui perlawanan tersebut yang diadakan selama dua hari bermula 7 Januari itu akan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara belia-belia masjid seluruh negara dan seterusnya membimbang mereka agar melaksanakan acara kegiatan riadah / sukan mengikut peraturan yang diharuskan dalam Islam. Pada masa yang sama, ia diharap akan dapat memantapkan keimanan dan jati diri dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai belia masjid yang cemerlang dan berwawasan terhadap agama, masyarakat dan negara selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mana baginda menekankan supaya golongan belia di negara ini komited dan mempunyai kesedaran atau responsif terhadap apa jua usaha kerajaan untuk negara ini.

IHYA MAULIDUR RASUL SEMARAKKAN SYIAR ISLAM



SABTU, 21 JANUARI. – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darus-salam pernah bertitah supaya kita tidak berhenti memperingati Hari-Hari Kebesaran Islam dan terus melakukannya sebagai usaha untuk memperkaya semangat kita sendiri dalam menjulang Islam di mata dunia dan di samping itu mengambil munafaat daripadanya walaupun orang lain tidak melakukannya. Sehubungan itu, Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, bertujuan untuk mengembangkan syiar Islam, selain memakmurkan masjid dan mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan KHEU dengan jemaah masjid dan penduduk kampong khasnya wanita.

Kelas Bimbingan Muslimah Daerah Brunei Muara 1438 Hijrah /

2017 Masihi di masjid berkenaan. Hadir selaku tetamu kehormat majlis, isteri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Zalinah binti Haji Omar. Turut hadir, isteri Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Norliana binti Haji Aarif Lim; isteri Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Sarimah binti Haji Abu Bakar; isteri Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Normah binti Haji Ahmad pengarah-pengarah, penolong-penolong pengarah, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Muslimah-Muslimah Masjid Daerah Brunei Muara.

Majlis merupakan kegiatan tahunan yang dilaksanakan oleh Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, bertujuan untuk menyemarakkan lagi sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam dan sama-sama berpatisipasi dalam mengembangkan syiar Islam, selain memakmurkan masjid dan mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan KHEU dengan jemaah masjid dan penduduk kampong khasnya wanita.

29 PESERTA TERIMA SIJIL PENGURUSAN JENAZAH

KHAMIS, 26 JANUARI. – Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti, Kampong Burong Pingai Ayer telah mengadakan Bengkel Pengurusan Jenazah anjuran takmir masjid berkenaan yang diadakan selama dua hari pada 24 hingga 25 Januari lalu. Seramai 29 peserta mendaftarkan diri untuk mengikuti bengkel berkenaan yang telah difasilitorkan oleh tenaga pengajar dari Masjid Kampong Pengkalan Batu, Awang Haji Mohd. Borhanuddin bin Haji Damit. Penyampaian sijil-sijil kepada para peserta disampaikan oleh tetamu kehormat oleh Pemangku Penghulu Mukim Burong Pingai Ayer / Kampong Lurong Dalam, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Chuchu. Antara peserta yang menerima sijil Ketua Kampong Burong Pingai Ayer / Kampong Sungai Asam, Awang Abdul Rahman bin Haji Omar. Menurut Pengurus AJK Takmir Masjid Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti, Awang Haji Asbullah bin Haji Ahmad menjelaskan, berharap dengan adanya bengkel seumpama itu akan dapat menambah lagi keperluan setempat khusus yang berkaitan dengan penyelenggaraan jenazah di kampong berkenaan atau sekurang-kurangnya dapat membantu dalam kalangan keluarga masing-masing.



MASJID BATU MARANG ANJUR KURSUS FARDHU KIFAYAH



AHAD, 29 JANUARI. - Seramai 58 peserta menyertai Kursus Fardhu Kifayah anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Batu Marang yang berlangsung di masjid berkenaan. Hadir selaku tetamu kehormat pada pembukaan kursus ialah Pegawai Hal Ehwal Masjid / Ketua Imam, Imam Saiful Rizal bin Haji Abdul Ghafar selaku Pengerusi Takmir Masjid Kampong Batu Marang.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh Imam Masjid Kampong Batu Marang, Awang Muhammad Sharine Hadiman bin Sahari selaku Pengerusi Majlis yang seterusnya menyampaikan ucapan alu-aluan. Kursus yang diadakan selama sehari itu telah disampaikan oleh Penceramah Undangan, iaitu Awang Haji Muhammad Burhanuddin bin Haji Damit yang diadakan bermula jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan sebelah petang bermula jam 1.30 petang hingga 3.30 petang dengan pengisian kursus antaranya menyentuh mengenai cara-cara memandikan, mengkafarkan, menyembahyangkan dan mengkebumikan jenazah. Majlis penutup kursus fardhu kifayah diadakan sejurus selesai kursus yang dimulakan dengan bacaan surah Al Fatihah dipimpin oleh Awang Muhammad Sharine Hadiman bin Sahari, diikuti dengan ucapan daripada tetamu kehormat iaitu Ketua Kampong Batu Marang, Awang Haji Maidin bin Tarip dan seterusnya ucapan dari wakil peserta yang telah disampaikan oleh Awang Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi. Sijil-sijil kepada peserta kursus telah disampaikan oleh tetamu kehormat majlis. Bagi memberkati majlis, Doa Selamat Peliharakan Sultan Negara Brunei Darussalam telah dibacakan oleh Awang Muhammad Shahrine Hadiman bin Sahari dan diteruskan lagi dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis.

NUR IMAN, WAEZATUL FAEZAH DINOBATKAN JUARA TAUSYEH

JUMAAT, 3 FEBRUARI. - Pasukan Nur Iman dinobatkan sebagai johan apabila memenangi Kategori Lelaki bagi Pertandingan Tausyeh bagi Ahli Jawatankuasa Takmir, Muslimah, Belia dan Belianwanis, Masjid-Masjid, Surau dan Balai Ibadat Daerah Temburong bagi Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi.

Johan yang mewakili Surau Kampong Piasau-Piasau itu memperoleh markah sebanyak 84.5 peratus. Tempat kedua ialah pasukan yang mewakili Masjid Kampong Belais, An-Nuur dengan mengutip 83 peratus sementara Pasukan MUMS yang mewakili Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar menduduki tempat ketiga dengan mengutip markah sebanyak 80 peratus. Pertandingan yang diadakan di Surau Kampong Piasau-Piasau, juga menyaksikan pasukan wanita tuan rumah memintas pasukan lain untuk menjuarai Kategori Perempuan. Pasukan Waezatul Faezah meraih markah 86 peratus sekali gus menempatkan Karunisa mewakili Muslimah Masjid Kampong Belais tempat kedua dengan 79.5 peratus dan pemenang ketiga ialah Nur-Imtiyaz, wakil dari Masjid



Kampong Selangan dengan markah 72 peratus.

Hadir menyampaikan hadiah kepada para pemenang, ialah Ketua Bahagian Imarah di Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Juffle bin Haji Mega. Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti ucapan alu-aluan daripada Pemangku Imam Surau Kampong Piasau-Piasau, Awang Haji Mohd. Zin bin Haji Kulla yang juga selaku pengerus pertandingan tersebut. Sebanyak lima pasukan bertanding di dalam Kategori Lelaki manakala empat lagi dalam Kategori Perempuan. Pertandingan turut diserikan dengan persempahan daripada murid-

murid Kelas Al-Quran dan Muqaddam. Turut hadir, Pemangku Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Haji Kamarulzaman bin Kamis; Pemangku Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah, Awang Eldy bin Haji Suhaile; Pemangku Penghulu Mukim Labu, Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir; Ketua Kampong Senukoh, Awang Yusof bin Haji Maidin serta penduduk setempat. Pertandingan yang dianjurkan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Surau Kampong Piasau-Piasau ini antara lain bertujuan untuk menjadikan tausyeh sebagai medium penyaluran dakwah yang berkesan dalam menghidupkan syiar Islam di samping sebagai salah satu usaha untuk mengekalkan / mempertahankan kesenian Islam agar tidak pupus.

Selain itu, pertandingan juga diharap dapat memupuk minat serta melahirkan qariah masjid, surau dan balai ibadat yang berkebolehan menyampaikan irama alunan tausyeh dengan baik dan sempurna di samping dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan perpaduan dalam kalangan masyarakat Islam.

KEMENANGAN PASUKAN MAULUD MASJID AL-MUHTADEE BILLAH DIRAIKAN



JUMAAT, 10 FEBRUARI. – Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampong Sungai Kebun meraikan 30 ahlinya yang menyertai Perbarisan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1438 Hijrah.

Hadir pada Majlis Kesukuran dan Penghargaan yang berlangsung di masjid berkenaan, ialah Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Pegawai Hal Ehwal Masjid / Ketua Imam masjid berkenaan, Pengiran Mohd. Amiruddin bin Pengiran Haji Tejuddin yang juga selaku Pengurusi Majlis dalam alu-aluannya antara lain menyatakan walaupun pasukannya mendapat saguhati selepas tiga tahun tidak menyertainya, namun mereka akan berusaha lagi memperbaiki persembahan perbarisan akan datang. Masjid itu buat julung-julung kalinya tambah Pengiran Mohd. Amiruddin, juga mengadakan majlis dikir rumah

ke rumah dalam menyemarakkan Sambutan Maulidur Rasul.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada para peserta dan juga diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban yang diketuai oleh Imam masjid itu, Awang Mohd. Hasnol bin Haji Mohammad. Sementara itu, Imam masjid, Awang Haji Abu Samah Shukri bin Haji Md. Hussien menjelaskan, pasukan itu akan menurunkan seramai lebih 70 peserta yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Takmir, Belia dan Muslimah Masjid untuk turun padang bagi ikut serta dalam Perbarisan Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini.

Pada tahun ini, katanya, pasukan masjid itu akan mengekalkan pakaian seragam yang melambangkan Bendera Negara Brunei Darussalam bagi meningkatkan lagi semangat patriotisme.

8 PASUKAN SERTAI KEJOHANAN FUTSAL BELIA LIMA ORANG SEPASUKAN

RABU, 8 FEBRUARI. – Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Batu Marang telah mengadakan Majlis Taklimat Belia bagi Kejohanan Futsal Belia Lima Orang Sepasukan anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Batu Marang Kali Pertama bagi Tahun 2017 pada 7 Februari 2017 lepas.

Hadir pada majlis tersebut, ialah Pegawai Hal Ehwal Masjid / Ketua Imam, Awang Saiful Rizal bin Haji Abd. Ghafar, selaku Pengurusi Takmir Masjid Kampong Batu Marang dan ahli-ahli jawatankuasa takmir serta para belia masjid. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Awang Saiful Rizal dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan dari Imam Masjid Kampong Batu Marang, Awang Muhammad Sharine Hadiman bin Sahari, selaku Setiausaha Takmir Masjid Kampong Batu Marang. Majlis ini diisikan dengan sesi pengenalan ahli-ahli jawatankuasa takmir kepada semua belia yang hadir yang masjid, iaitu Al Aleem, Al Quddus, Al



disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Takmir, Awang Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi serta taklimat kejohanan yang disampaikan oleh Penyelia Hal Ehwal Belia merangkap Setiausaha Kejohanan, Awang Ismawi bin Haji Maidin.

Acara pengundian nama-nama pasukan juga dijalankan untuk menentukan pasukan masing-masing. Sebanyak lapan pasukan telah mendaftar untuk mengikuti kejohanan berkenaan yang melibatkan tujuh pemain setiap pasukan. Nama-nama pasukan yang telah dipilih oleh takmir

Razzaq, Al Jabbar, As Salam, Al Fattah, Al Wahhab dan Al Qahhar. Penyampaian baju 'T' tajaan telah disampaikan oleh Presiden Kelab Bola Sepak MIISA United, Awang Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi kepada pengurusi takmir yang kemudian menyerahkannya kepada para ahli jawatankuasa takmir.

Pengurusi takmir juga turut memberikan nasihat kepada para belia supaya aktif mengikuti mana-mana aktiviti masjid yang diadakan.

MAJLIS PERLANTIKAN AJK TAKMIR MASJID BKAMPONG KILANAS

RABU, 8 FEBRUARI. - Pengimaranan masjid bukanlah suatu yang mudah dan bukan hanya menjadi tanggungjawab pegawai masjid sahaja, tetapi juga Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid.

Setentunya komitmen AJK amat penting dalam menjayakan aktiviti takmir masjid kerana setiap kejayaan tidak akan dapat dicapai jika hanya satu pihak saja yang bergerak secara sendirian.

Justeru, dengan kerjasama kedua-dua pihak ini akan menjadikan masjid lebih menyerlah dengan pelbagai aktiviti takmir mereka. Pentakmiran masjid juga bukan hanya dengan memperbanyakkan aktiviti berbentuk peraduan dan pertandingan yang dianjurkan, tetapi meliputi pentakmiran secara keseluruhan khususnya aktivitiaktiviti yang berkaitan



dengan pelaksanaan ibadah seperti sembahyang lima waktu, kuliah-kuliah ilmu dan lain-lain lagi. Sehubungan itu, penyampaian Surat Lantikan AJK Takmir Masjid bagi Masjid Kampong Kilanas telah diadakan di masjid berkenaan pada 7 Februari yang lalu.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dipimpin oleh Imam Masjid Kampong Kilanas, Awang Haji Alias bin Haji

Ibrahim diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Kampong Kilanas, Pengiran Saiful Khairul Hakimin bin Pengiran Liudin.

Surat-Surat Lantikan AJK Takmir Masjid berkenaan disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri selaku tetamu kehormat. Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati kenangkenangan kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Zaidin bin Haji Mohd. Noor yang berpindah dan pernah berkhidmat di Masjid Kampong Kilanas. Acara diteruskan lagi dengan penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat majlis dan majlis tersebut diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

PASUKAN AL-FATTAH JUARA KEJOHANAN FUTSAL BELIA MASJID



AHAD, 12 FEBRUARI. - Pasukan Al-Fattah menjuarai Kejohanan Futsal Belia Masjid Kampong Batu Marang 2017 setelah berjaya menewaskan Pasukan Al-Qahhar dengan jaringan 4 - 2 pada kejohanan yang berlangsung di Gelanggang Futsal Meteora Kapok.

Tempat ketiga disandang oleh Pasukan Al-Aleem setelah mengalahkan Ar-Razzaq dengan jaringan 3 - 1. Hadir selaku tetamu kehormat, Pegawai Hal Ehwal Masjid / Ketua Zon 2 'A', Awang Mohd. Amin bin Haji Salim. Juga hadir, Ketua Kampong Batu Marang, Awang Haji Maidin bin Tarip selaku Penasihat Takmir Masjid Kampong

berkenaan. Kejohanan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Saiful Rizal bin Haji Abd. Ghafar yang juga selaku Ketua Imam Masjid.

Sementara itu, Imam Masjid Kampong Batu Marang / Setiausaha Takmir Masjid, Awang Muhammad Sharine Hadiman bin Sahari yang juga selaku Pengurus kejohanan dalam ucapannya melahirkan rasa gembira atas usahasama yang telah diberikan dari kalangan warga ahli jawatankuasa takmir dan para pengurus serta para pengadil perlawanan ini.

Menurutnya, kejohanan yang merupakan julung kali diadakan itu iaitu pada bulan Disember 2016 dan ditunda ke bulan Februari tahun ini.

Beliau seterusnya melahirkan ucapan setinggi penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa takmir yang sanggup mengorbankan masa, tenaga dan sentiasa memberikan pendapat atau cadangan yang bernes.

Kejohanan dianjurkan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Batu Marang dengan melibatkan enam buah pasukan, iaitu Al-Aleem, Al-Jabbar, Al-Fattah, Al-Qahhar, Ar-Razzaq dan Al-Wahab. Tujuan utama kejohanan diadakan adalah bagi mengeratkan hubungan tali silaturahim dalam kalangan pasukan yang mengambil bahagian, di samping mengamalkan gaya hidup yang sihat.

KEMENANGAN PASUKAN MAULUD MPK RPN MERAGANG DIRAIKAN

ISNIN, 13 FEBRUARI. - Pasukan Majlis Perundungan Kampong (MPK) Rancangan Perumahan Negara (RPN) Meragang yang memenangi tempat ketiga Pertandingan Perhimpunan, Perarakan dan Perbarisan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara tahun ini diraikan pada Majlis Penyampaian Sijil dan Hadiah yang diadakan di Kediaman Awang Haji Sohaili bin Haji Mohidi, Darul Jannah, Jalan Kamangsi Timur, RPN Meragang.

Pasukan MPK RPN Meragang telah diumumkan sebagai pemenang tempat ketiga dalam Kategori Kampong dan Takmir Masjid serta penerima hadiah khas pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Perhimpunan, Perarakan dan Perbarisan Maulidur Rasul yang berlangsung di Dewan Multaqa, Kementerian Hal Ehwal Ugama pada 25 Januari lalu. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada para peserta ialah Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Rajid bin Haji Mohd Salleh. Terdahulu, Timbalan Pengerusi MPK RPN Meragang, Awang Haji Sohaili dalam ucapan alu-aluannya berkata, ukhuwah yang terjalin dalam kalangan warga pasukan Maulidur Rasul telah menunjukkan semangat dan komitmen yang amat memberangsangkan. Menurutnya, aktiviti-aktiviti pasukan akan diteruskan, seperti kumpulan dikir, tausyeh dan mengimarahkan aktiviti-agama.



Walaupun RPN Meragang belum mempunyai sebuah masjid, RPN Meragang masih aktif membuat aktiviti-aktiviti ugama di mana ahli Biro Wanita dan Muslimah telah menjayakan 10 malam sehingga kemuncak 12 Disember 2016 dengan berdudun dan berdiri ke masjid-masjid. Majlis diteruskan dengan penyerahan derma kepada Tabung Dana Pembinaan Masjid sebanyak BND200.00 dan juga penyampaian sijil kepada ahli-ahli Biro Wanita dan Muslimah.

PESERTA KURSUS FARDHU KIFAYAH TERIMA SIJIL



FEBRUARI. - Seramai 55 peserta yang menyertai Kursus Fardhu Kifayah menerima sijil mereka pada Majlis Penyampaian Sijil kursus berkenaan yang berlangsung di Masjid Kampong Batu Marang.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah isteri Ketua Kampong Batu Marang, Dayang Hajah Nur Saidah binti Haji Ali.

Dua tenaga pengajar diundang untuk mengendalikan kursus tersebut dan mereka terdiri dari Dayang Norlila binti Mohammad dan Dayangku Dahsimah binti Pengiran Ismail, masing-masing dari Unit Tanah-Tanah Perkuburan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Kursus yang diadakan buat kali kedua itu dianjurkan oleh Takmir Masjid Kampong Batu Marang.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA BERANGKAT KE MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN YANG KE-33



RABU, 22 FEBRUARI. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardhu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yasin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan. Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke majlis tersebut dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengurus dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-33, Tahun 1438H / 2017M.

Berangkat sama, ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel. Sejurus keberangkatan baginda dan kerabat diraja yang lain, Azan Maghrib telah dilaungkan oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Mudim Awang Haji Metassim bin Haji Metussin. KDYMM kemudian menunaikan Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal. Ia diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar yang kemudiannya memimpin bacaan Surah Yasin beramai-ramai.

Doa Kesyukuran dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. Sementara itu, Azan Isyak dikumandangkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Mudim Awang Haji Amran bin Haji Md. Salleh dan Sembahyang Fardhu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Majlis kesyukuran tersebut juga telah diadakan di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh Negara dengan beberapa buah masjid sebagai tumpuan mengikut daerah-daerah seperti di Daerah Brunei dan Muara di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan; Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampong Jerudong; Masjid Mohamed Bolkiah, Kampong Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Kampong Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampong Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan. Manakala di Daerah Belait pula ialah di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid RPN Kampong Pandan, Kuala Belait dan Masjid Pekan Seria, Daerah Belait. Sementara itu, bagi Daerah Tutong diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dan Daerah Temburong di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.



Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait



Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong



Masjid Utama Mohammad Salleh, pekan bangar, daerah Temburong

GOLONGAN BELIA DISERU SERTAI KURSUS PENYEMPURNAAN JENAZAH



AHAD, 19 FEBRUARI. - Penyempurnaan jenazah apabila berlakunya kematian di dalam sebuah Kampong adalah merupakan Fardhu Kifayah seperti yang disyariatkan dalam Islam. Justeru itu, para peserta Kursus Penyempurnaan Jenazah disuruh menjadikan segala ilmu yang ditunjuk ajar agar dijadikan panduan dalam urusan menyempurnakan jenazah.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman@ Othman menyatakan demikian pada Majlis Penutup kursus berkenaan dan seterusnya menyampaikan sijil kepada 65 peserta lelaki.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat juga menyeru para belia dan beliawanis khususnya di kampong itu dan kawasan

sekitarnya agar dapat menyertai kursus seumpama itu memandangkan mereka merupakan generasi pelapis dan asset berguna bagi pembangunan negara. "Saya juga berharap agar kursus seumpama ini akan dapat dilaratkan di masa-masa akan datang dan dijadikan sebagai kegiatan tahunan khususnya bagi Biro Keagamaan MPK RPN Kampong Panchor, Mengkubau", kata Yang Berhormat pada majlis yang berlangsung di Masjid RPN Mentiri. Salah seorang pengawas acara kursus berkenaan, Awang Louay Staddiee Haddaq bin Abdul Gafur ketika ditemui berkata, program tersebut diadakan antara lain bagi meningkatkan pengurusan jenazah menurut agama Islam.

Memandangkan sambutan program yang begitu menggalakkan tambahnya, pihak penyelenggara akan merancang untuk berkolaborasi bersama pihak tertentu dalam menjadikannya sebagai aktiviti tahunan dan akan melibatkan ramai lagi penyertaan khususnya para belia masjid.

Manakala, Awangku Mohd. Hanafi bin Pengiran Haji Mohd. Hallid, 17, dari RPN Kampong Panchor, Mengkubau melahirkan hasratnya untuk menyertai kursus seumpama itu di masa akan datang bagi menambahkan lagi pengetahuan dalam kursus Fardhu Kifayah dan ingin mempraktikkannya secara realiti. Beliau juga menyeru para golongan muda untuk berani tampilkan diri bagi sama-sama mengikuti kursus bagi persediaan pada akan datang. Perisian kursus anjuran bersama Biro Keagamaan, MPK RPN Kampong Panchor, Mengkubau dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid RPN Mentiri berkata, program tersebut itu antaranya adalah penerangan mengenai pengurusan jenazah yang sempurna selain merangkumi panduan asas cara memandikan, mengkafankan, menyembahyangkan serta mengebumikan jenazah.

MASJID BAHARU KG. SENGKARAI BOLEH MENAMPUNG 1,000 JEMAAH



ISNIN, 27 FEBRUARI. - Penduduk Kampong Sengkarai daerah ini dan sekitarnya dalam masa terdekat akan dapat menggunakan Masjid Baharu Kampong Sengkarai. Sehubungan itu, Majlis Menyertu bangunan berkenaan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Daerah Tutong, Awang Haji Masri bin Haji Mohammad. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof. Majlis Menyertu Bangunan Masjid Baharu Kampong Sengkarai bertujuan untuk memastikan kebersihannya sebelum pemasangan permaidani dilaksanakan dan sebelum masjid ini digunakan sepenuhnya. Dalam pada itu, anggaran perbelanjaan pembinaan bangunan ini berjumlah BND3,833,535 adalah menggunakan peruntukan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) melalui Wang Zakat Asnaf al-Gharimin yang dibina atas tapak seluas lima ekar.

Masjid baharu ini boleh menampung kira-kira 1,000 jemaah. Di antara kemudahan yang disediakan di masjid ini termasuklah Dewan Sembahyang Utama (Lelaki), Dewan Sembahyang Perempuan, Bilik Muzakarah, Bilik Pegawai Hal Ehwal Masjid, Bilik Imam / Bilal, Bilik Tetamu Khas, Bilik Kaunseling, Bilik Bacaan, Bilik PA System, Bilik Stor, Bilik Wudhu Lelaki / Perempuan dan Tetamu Khas yang berasingan, Bilik Pengurusan Jenazah, dapur dan tandas bagi jemaah lelaki dan perempuan yang berasingan dan tempat laluan bagi orang kurang upaya. Salah seorang penduduk kampong tersebut, Awang Iswanddy bin Haji Mustaffa ketika ditemui berkata, masjid baharu ini nanti akan memudahkan penduduk Kampong Sengkarai melakukan ibadah.

MASJID HASSANAL BOLKIAH PEKAN TUTONG ADAKAN KULIAH SUBUH

AHAD, 26 FEBRUARI. - Penghayatan sembahyang berjemaah dan mengimarahkan masjid merupakan antara ukuran utama terhadap tahap keimanan seseorang Muslim. Perkara tersebut dijelaskan oleh Penceramah dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohd. Yussof bin Haji Abdul Majid semasa menyampaikan Kuliah Subuh pada acara Riadah Ria Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong yang berlangsung di Ruang Solat, masjid berkenaan.

Sehubungan itu, jelasnya lagi, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sangat menggalakkan sembahyang berjemaah di masjid yang secara tidak langsung dapat mengimarahkan dan memakmurkan masjid. Jelasnya, kajian saintifik yang dijalankan oleh Profesor John Herbert dari Amerika Syarikat telah membuktikan bahawa sembahyang berjemaah di masjid tersebut dapat memberikan kesihatan kepada tubuh badan serta mencerdaskan akal fikiran. "Hasil kajian Profesor John Herbert mendapatkan sentuhan antara bahu jemaah



ketika solat mampu menyeimbangkan cas elektrik positif dan negatif yang terdapat dalam tubuh manusia menjadikan tubuh lebih segar dan bertenaga," tambahnya. Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Hassan bin Amat.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Subuh berjemaah, dan diserikan lagi dengan sesi memanaskan badan dan walkaton sejauh 3 kilometer bagi peserta lelaki dan 2 kilometer bagi peserta perempuan. Program yang disertai seramai lebih kurang 300 peserta

berkenaan adalah bersempena dengan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun MHBPT dan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-33 Tahun yang dianjurkan oleh Takmir Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong dengan kerjasama Kumpulan Belia Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong 'Ibadurrahman.

Majlis antara lain bertujuan untuk menjadikan masjid bukan hanya sebagai tempat untuk beribadat tetapi juga sebagai tempat untuk menimba ilmu pengetahuan dan melaksanakan kegiatan sosial sebagaimana peranan masjid dalam sejarah Islam iaitu sebagai pusat kehidupan komuniti Muslim dan juga ketenteraan.

Selain untuk mendidik masyarakat khususnya generasi muda atau belia untuk cinta kepada majlis-majlis ilmu, menyampaikan ilmu dan seterusnya beramal dengan ilmu bagi membentuk belia yang berwawasan.

LAHIRKAN HAKIM MUSABAQAH TEMPATAN BERKELAYAKAN DAN BERKUALITI



Bengkel selama tiga hari yang bermula dari 27 Februari yang lalu dan berakhir hari ini, dianjurkan oleh Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku Urusetia Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan buat julung kalinya. Seramai 16 peserta terdiri dari warga tempatan yang mempunyai latar belakang dalam bidang bacaan dan penghakiman Al-Quran menyertai bengkel tersebut. Seramai enam tenaga pembengkel ditugaskan untuk membimbing para peserta di sepanjang bengkel tersebut diadakan yang terdiri daripada warga tempatan yang berpengalaman di dalam bidang penghakiman pertandingan di pelbagai peringkat iaitu dari peringkat dewasa kebangsaan, peringkat belia kebangsaan dan peringkat antarabangsa. Pembimbing bengkel tersebut diketuai oleh Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh, selaku Pengerusi Jemaah Hakim Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438H / 2017M. Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438H / 2017M akan berlangsung selama tiga hari bermula dari 7 hingga 9 Mac 2017 akan datang.

RABU, 1 MAC. - Bengkel Pemantapan Hakim Musabaqah Negara Brunei Darussalam dihasrat bagi melahirkan hakim tempatan yang berkelayakan dan berkualiti; meningkatkan pengetahuan yang berkaitan penghakiman di dalam berbagai-bagi sudut; memberi pendedahan tentang format penghakiman secara profesional dan menjaga kredibiliti hakim.

FORUM MUSLIMAH SEMPENA HARI KEBANGSAAN KE-33



ISNIN, 27 FEBRUARI. - Dalam memberi kesedaran dan kefahaman akan peranan Muslimah bagi mendukung Wawasan Negara Brunei Darussalam, satu forum sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 bagi Kelas Bimbingan Muslimah di Masjid- Masjid Daerah Brunei dan Muara Tahun 1438H / 2017M diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakkilah Hayatul Bolkiah, Kampong Serusop.

Hadir selaku tetamu kehormat, isteri Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili. Aturcara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Mohamed Bolkiah Kampong Serusop, Awang Ahmad Syafiq bin Haji Osman. Sesi forum motivasi menampilkan tiga ahli panel, iaitu Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Ghafor; Pengarah Pusat Kajian Fiqh Al Usrah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dayang Hajah Aisyah Radhiah binti Haji Gani dan Pegawai Pembangunan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Irnawati binti Haji Mahir.

Forum yang bertajuk 'Peranan Muslimah Mendukung Wawasan Negara' itu dipengerusikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampong Perpindahan Lambak Kanan, Awang Haji Abd Malik bin Haji Jumat. Awang Haji Ali Yusri pada forum tersebut mengongsikan antara perkara-perkara yang diingini oleh anak-anak kita terutama anak-anak remaja. Pertama, beliau telah membuat penilaian yang paling tinggi sekali di mana 85 peratus kalangan murid-muridnya mahu ibu bapa yang penyayang, kedua ialah ibu bapa yang dapat mendengar dan tempat mengadu nasib bila anak-anak bersedih serta boleh menangani masalah. Jelasnya, kita adalah ibu yang hebat jika anak kita mahu mengongsikan masalah mereka kepada kita.

Beliau menambah, setiap orang harus mempunyai potensi masing-masing serta melihat pada diri kita dan sebagai Muslimah seharusnya berkongsi permasalahan masing-masing dan bertukar-tukar pandangan antara satu sama lain. Manakala Dayang Hajah Aisyah Radhiah pula menghuraikan mengenai hadis dan Al-Quran yang menyuruh anak-anak sembahyang sedari umurnya 7 tahun kerana umur tujuh tahun adalah umur yang ideal untuk mengajarkan ilmu solat serta mereka sudah *mumayyiz*, tahu

membezakan mana yang buruk dan baik. Sembahyang itu jelasnya, adalah tiang agama dan barang siapa yang meninggalkan sembahyang maka sesungguhnya ia meruntuhkan agama. Selain menyuruh mendirikan sembahyang katanya, ibu-ibu juga seharusnya menekankan pendidikan akhlak dan pendidikan Al-Quran.

Acara turut diserikan dengan persempahan puisi oleh Muslimah Balai Ibadat Mukim Saba, Dayang Nordiana binti Salleh. Doa Peliharakan Sultan dan Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Mohamed Bolkiah Kampong Serusop, Awang Ahmad Syafiq bin Haji Osman. Forum yang julung kalinya dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Mohamed Bolkiah, Kampong Serusop itu bertujuan sebagai salah satu syiar untuk memakmurkan masjid di samping memupuk semangat patriotism kepada Muslimah-muslimah serta untuk melahirkan Muslimah yang berwawasan. Dengan adanya majlis seumpama ini diharap akan dapat memupuk semangat patriotisme dalam kalangan Muslimah-muslimah masjid dan seterusnya dapat memberi kesedaran akan kepentingan peranan mereka dalam mendukung wawasan negara.

ROMBONGAN JABATAN HAL EHWAL MASJID ADAKAN LAWATAN KE KELAS AL-QURAN DAN MUQADDAM



JUMAAT, 3 MAC. - Masjid merupakan tempat ibadah bagi umat Islam dan berbagai-bagai macam ibadah yang boleh dilakukan di dalamnya seperti solat, berzikir, iktikaf dan sebagainya, di samping dijadikan tempat untuk mengembangkan ilmu bagi umat Islam selain berperanan dalam mengembangkan ilmu melalui pembelajaran dan pengajaran seperti Kelas Al-Quran dan Muqaddam. Sehubungan itu, rombongan dari Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah membuat lawatan bagi tinjauan dan pemantauan Kelas Al-Quran dan Muqaddam di Masjid Kampong Sungai Teraban, Daerah Belait.

Tinjauan dan pemantauan yang diungkayahkan secara berterusan itu bertujuan bagi mengetahui perkembangan dan perjalanan Kelas Al-Quran

dan Muqaddam di Negara ini berjalan dengan baik dan teratur sebagaimana yang dikehendaki oleh JHEM. Pelita Brunei menemu bual Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri berkata, Alhamdulillah semua murid-murid Kelas Al-Quran dan Muqaddam yang diatur di masjid ini telah dapat mengikut pembelajaran dengan baik kerana apabila ditasmik mereka mengenal huruf-huruf Hijaiyyah dapat membaca dengan baik. "Keseluruhannya mereka dapat mengikuti Kelas Al-Quran dan Muqaddam yang diungkayahkan ini dengan baik dan satu perkembangan yang menggalakkan apabila salah seorang guru telah membuat satu inisiatif dengan membuat satu Skim Menghafaz Al-Quran seramai 10 orang dan dua orang daripada mereka telah berjaya menghafaz dan berjaya pula dalam penilaian memasuki Institut Tahfiz Al-Quran," tambahnya. Awang Haji Amir Hisham juga menyeru kepada ibu bapa supaya akan dapat menghantar anak-anak ke masjid-masjid berhampiran tempat tinggal dengan memanfaatkan apa yang telah diusahakan dengan sebaik-baiknya. Usaha tersebut merupakan salah satu langkah JHEM untuk membantu sekolah-sekolah ugama meneruskan pembacaan Al-Quran dan Muqaddam dengan lebih lancar dan teratur. Sementara itu, Imam Masjid Kampong Sungai Teraban, Awang Haji Omar Ali bin Haji Mohd. Husain yang bertugas sejak 1994 berkata, kelas mengaji tersebut telah ditubuhkan sejak dari masjid tersebut dibina dan bergiat sejak dari surau lama dan aktiviti itu diteruskan sehingga sekarang. Tenaga pengajar yang bertauliah dari Jabatan Hal Ehwal Masjid bertugas mengajar seramai lebih daripada 30 murid-murid yang terdiri daripada anak-anak penduduk berdekatan. Hadir selaku ketua rombongan ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bersama pegawai-pegawai dan kakitangan JHEM. Rombongan lawatan tersebut akan ke masjid-masjid, surau dan balai ibadat yang terpilih mengikut jadual yang akan ditentukan dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

MAJLIS PERLANTIKAN AJK TAKMIR MASJID JUBLI PERAK SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH, KAMPONG JAGSAK



ISNIN, 6 MAC. - Pengimaran masjid bukanlah suatu yang mudah dan bukan hanya menjadi tanggungjawab pegawai masjid sahaja, tetapi juga Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjidnya. Setentunya komitmen AJK amat penting dalam menjayakan aktiviti takmir masjid kerana setiap kejayaan tidak akan dapat dicapai jika hanya satu pihak sahaja yang bergerak secara sendirian. Justeru, dengan kerjasama kedua-dua pihak ini akan menjadikan masjid gilang-gemilang dengan pelbagai aktiviti takmir mereka. Pentakmiran masjid juga bukan hanya dengan memperbanyakkan aktiviti-aktiviti yang berbentuk peraduan dan pertandingan yang dianjurkan tetapi meliputi pentakmiran secara keseluruhan khususnya aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pelaksanaan ibadah seperti sembahyang lima waktu, kuliah-kuliah ilmu dan lain-lain lagi. Sehubungan itu, seramai 45 orang menerima Surat Lantikan AJK Takmir Masjid bagi Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, yang diadakan di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, ialah Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh. Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Imam Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Haji Kamaluddin bin Haji Abd Rahim dan diikuti dengan ucapan pengurus majlis. Majlis diteruskan dengan penyampaian Surat Lantikan AJK Takmir Masjid yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. Majlis pada malam tersebut diakhiri dengan bacaan Doa Selamat. Terdahulu, sebelum majlis ini diadakan satu taklimat takmir masjid telah disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Jamil bin Haji Abdul Ghani.

MASJID KAMPONG TANAH JAMBU ADAKAN KEMPEN BERGOTONG-ROYONG



AHAD, 12 MAC. - Amalan bergotong-royong dan menjaga kebersihan adalah amalan mulia yang direndai oleh Allah Subhanahu Wata'ala terutamanya mengutamakan kebersihan rumah Allah tempat mengerjakan ibadat. Sehubungan itu, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Tanah Jambu mengadakan Kempen Bergotong-Royong membersihkan masjid dan kawasan sekitarnya dengan kerjasama penduduk Kampong setempat.

Kempen Bergotong-Royong itu merupakan salah satu aktiviti sempena memperingati Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun, di samping mengeratkan lagi ikatan ukhwah menerusi aktiviti kempen kemasyarakatan yang berkebajikan. Hadir menyertai kempen tersebut, ialah Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri. Turut menyertai kempen tersebut, ialah Penasihat Takmir Masjid Kampong Tanah Jambu, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud dan

warga Kampong yang terdiri daripada penduduk Kampong Tanah Jambu serta Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Tanah Jambu. Kerja-kerja pembersihan yang dilakukan antaranya membersihkan dewan sembahyang, bilik-bilik, dewan makan dan juga memotong pohon-pohon kayu yang membahayakan di kawasan masjid berkenaan.

MEMAHAMI ADAB DAN TATACARA PENYAMPAIAN KHUTBAH JUMAAT



ISNIN, 13 MAC. - Awang Abdul Rahman bin Haji Tunjang muncul juara Pertandingan Membaca Teks Khutbah Jumaat bagi Merbut dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Senegara Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-33 Negara Brunei Darussalam bagi Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi. Juara yang mewakili Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah memperoleh markah 88.5 peratus membawa pulang hadiah berupa piala iringan dan wang tunai. Naib juara disandang oleh Awang Rosli bin Othman mewakili Zon 1 Daerah Tutong dan tempat ketiga ialah Awang Asran bin Haji Adam mewakili Zon 3A, Daerah Brunei dan Muara.

Sementara itu, Peraduan Menulis Teks Khutbah Jumaat bagi Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi dimenangi oleh Awang Muhammad Adi Adham bin Ramlan, Awang Muhammad Naqib bin Haji Awang tempat kedua dan Awang Al-Assarir @ Abdullah Al-Zuhri bin Haji Othman memenangi tempat ketiga.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang di Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampong Jangsak, ialah Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh. Terdahulu, pengumuman keputusan bagi kedua pertandingan disampaikan oleh Pengurus Hakim Pertandingan Membaca Teks Khutbah Jumaat, Awang Haji Sham bin Haji Amin.

Tujuan pertandingan tersebut diadakan antara lain adalah untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan peserta, di samping memberikan kesedaran tentang kehidupan beragama yang sejati. Selain itu, ia juga bertujuan untuk membentuk masyarakat Islam khususnya para merbut dan ahli jawatankuasa takmir masjid untuk mencintai masjid dan mempunyai personaliti Muslim yang berwibawa, berwawasan serta bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Para peserta juga dapat memahami dan mengetahui adab-adab dan tatacara penyampaian Khutbah Jumaat yang lebih menarik dan berkesan. Turut hadir pada majlis itu ialah pegawai-pegawai dan kakitangan dari Jabatan Hal Ehwal Masjid, para penaja, iaitu Insurans Islam TAIB dan Alif Technologies Sdn. Bhd. serta ahli-ahli jawatankuasa takmir masjid berkenaan.

KEM HAFAZAN LAHIRKAN BELIA FASIH AL-QURAN



SABTU, 18 MAC. - Hafazan Al-Quran belianis berumur di antara 13 hingga 20 beliau berpeluang mempelajari banyak merupakan satu landasan bagi tahun. Terdahulu, majlis dimulakan perkara termasuk adab-adab semasa meningkatkan usaha kepentingan fasih dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang menghafaz surah-surah Al-Quran sebagai dalam

dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, panduan dalam kehidupan seharian.

pembacaan surah-surah pilihan, di Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang samping bacaan dan tajwid yang betul. Ke Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad. Sepanjang Kem Hafazan Surah Pilihan arah melahirkan lebih ramai Hafazan Majlis diikuti dengan persembahan bacaan diadakan, ia telah dibimbing oleh dua guru Al-Quran, satu kem yang dinamakan Kem Surah Yasin dan Surah Al-Mulk daripada dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hafazan Surah Pilihan telah diadakan dua peserta lelaki dan dua peserta Hassanal Bolkiah, Pengiran Siti Nor bermula pada 16 hingga 18 mac 2017 di Masjid Kampong Sungai Besar, Mukim Wahab serta Imam Masjid Kampong Kota Batu.

Hafazan Surah Pilihan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat. Semasa ditemui

bin Haji Safar.

Kem Hafazan Surah Pilihan selama tiga hari tersebut dianjurkan oleh Ahli Pelita Brunei, Dayang Aimi Syahmina binti Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Sungai Besar dan Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Al-Huffaz Management,

Pada akhir majlis, Doa Peliharakan Sultan

dan Negara dibacakan oleh wakil peserta

dan diikuti dengan sesi bergambar ramai.

Hadir sama ialah Pemangku Pengarah Hal

Candas Creative Company dan Syukri bagi belia dan belianis di Daerah Brunei dan Muara dengan penyertaan seramai 41 peserta terdiri daripada 31 belia dan 10

Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri, para jemaah masjid serta para ibu bapa belia yang diraikan.

sepanjang Kem Hafazan Surah Pilihan

Laki-Laki Hassanal Bolkiah berpendapat

DOA SELEPAS MEMBACA AL-QURAN

اللَّهُمَّ ارْحَمْنِي بِالْقُرْآنِ. وَاجْعَلْهُ لِي إِمَاماً وَنُورًا وَهُدًى وَرَحْمَةً. اللَّهُمَّ ذَكِّرْنِي مِنْهُ مَا نَسِيْتُ وَعَلِمْنِي مِنْهُ مَا جَهَلْتُ. وَأَرْزُقْنِي تِلَاءً وَتَهَاهُ آتَاهُ اللَّيْلَ وَآطْرَافَ النَّهَارِ. وَاجْعَلْهُ لِي حُجَّةً يَارَبَّ الْعَالَمِينَ

Artinya :

"Ya Allah, rahmatilah aku dengan Al-Qur'an yang agung, jadikanlah ia bagiku cahaya petunjuk rahmat. Ya Allah, ingatkanlah apa yang telah aku lupa dan ajarkan kepadaku apa yang tidak aku ketahui darinya, anugerahkanlah padaku kesempatan membacanya pada sebahagian malam dan siang, jadikanlah ia hujjah yang kuat bagiku, wahai Tuhan seru sekalian alam."

MASJID SETIA ALI ADAKAN KURSUS PENGHAYATAN DAN KEFAHAMAN ISLAM



SABTU, 25 MAC. - Para belia dan belianwasan di bawah Zon 2A dan Zon 2B telah berpeluang menghadiri Kursus Kefahaman dan Penghayatan Islam yang diadakan di Masjid Setia Ali Pekan Muara (MSAPM).

Para peserta kursus berkenaan terdiri dari masjid-masjid kampong di Pekan Muara, yang jauh dari penyelewangan dan iaitu Sungai Besar, Kapok, kesesatan. Perpindahan Serasa, Sungai Besar, Sungai Bunga, Batu Marang dan Tanah Jambu.

Pengisian kursus antaranya menerangkan mengenai Islam sebagai pemandu dunia dan akhirat, memahami hikmah sesuatu ibadah asas penghayatan beragama serta Islam dan alam remaja yang disampaikan oleh penceramah-penceramah dari Pejabat Hal Ehwal Masjid.

Kursus itu bertujuan untuk memberikan pengisian kerohanian sempena cuti penggal persekolahan melalui ceramah-ceramah yang bertemakan kefahaman dan penghayatan Islam.

Para peserta juga dihasrat akan dapat memahami dengan betul berkaitan dengan ajaran Islam dan seterusnya mencetuskan

penghayatan dan pengamalan berterusan yang jauh dari penyelewangan dan kesesatan.

Kursus tersebut dijalankan agar dapat mencapai objektif, iaitu memberikan pemahaman yang betul berkaitan dengan ajaran Islam sebenar; berusaha ke arah pengisian kerohanian dan pengukuhan beragama kepada para peserta; pemangkin ke arah kesedaran beragama dan pelaksanaan amal soleh serta dapat menjalinkan kerjasama yang lebih erat dan silaturahim yang berterusan.

Kursus Kefahaman dan Penghayatan Islam yang diadakan selama sehari itu dianjurkan oleh Pejabat Hal Ehwal Masjid, Daerah Brunei dan Muara dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir MSAPM.

PROGRAM 3S HURAIKAN KEHEBATAN SOLAT SUBUH BERJEMAAH



AHAD, 26 MAC. - Belia Masjid Ash-Shaliheen dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Ash-Shaliheen menganjurkan Program 3S: Subuh, Solat, Sihat iaitu Kempen Solat Subuh Berjemaah dan Walkathon bagi kali kedua. Program yang bermula pada jam 4.30 pagi itu dimulai dengan menunaikan Solat Subuh berjemaah dan diteruskan dengan kuliah Subuh yang disampaikan oleh Dr. Haji Harapandi bin Dahri dengan tajuk 'Anak yatim dan peranan masyarakat'.

Intipati ceramah yang disampaikan antaranya menghuraikan mengenai mulianya orang yang memelihara anak yatim sehinggakan mereka yang menjadi orang yang paling dekat dengan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam di akhirat kelak.

Seorang kanak-kanak yang meninggal bapanya sebelum dia baligh adalah seorang yang digelar 'yatim', manakala seorang isteri yang meninggal suaminya dan mempunyai anak dalam tanggungannya adalah termasuk dalam golongan orang yang memelihara anak yatim. Ceramah tersebut juga mengajar masyarakat untuk bersifat lebih ihsan dan belas kasihan terhadap anak yatim yang tidak dapat merasakan kasih sayang seorang bapa dari usia kecil.

Acara diteruskan dengan sesi senamrobik sebelum walkathon dimulakan. Antara objektif kempen tersebut adalah untuk memberi kefahaman kepada masyarakat tentang kehebatan solat Subuh berjemaah dan kelebihan yang ada di dalamnya bagi mencapai kegemilangan Negara Zikir. Ia juga berhasrat untuk menjadikan masjid sebagai wadah bagi memupuk minat masyarakat untuk menimba ilmu pengetahuan Islam.

Selain itu, kempen ini juga bertujuan untuk mengeratkan silaturahim sesama masyarakat umum serta mendukung ke arah warga yang sihat.

BELIA ISLAM DISERU SAMA-SAMA ATASI ISU GEJALA SOSIAL

JUMAAT, 31 MAC. - Para belia Islam diseru untuk sama-sama memikirkan cara mengatasi isu gejala sosial yang semakin meningkat dan membimbangkan. Ketua Belia Kumpulan Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali, Kampong Sengkurong, Awang Muhs. Najib Min Fadhlillah bin Haji Abdul Majid menyeru demikian pada Majlis Pelancaran Karnival Cinta Masjid yang berlangsung di Masjid Sultan Sharif Ali, Kampong Sengkurong.

Awang Muhs. Najib Min Fadhlillah seterusnya menggesa para belia Islam agar menggunakan apa juga potensi dan kelebihan yang ada untuk disumbangkan demi kesejahteraan ummah. Katanya, sudah tiba masanya para belia Islam bangun dari lena yang panjang demi untuk sama-sama membantu negara yang kita cintai dari pelbagai bentuk anasir negative yang melanda. "Di sinilah antara peranan belia masjid itu ditubuhkan, pendekatan belia kepada belia merupakan satu pendekatan dakwah yang lebih efektif dan membawa hasil. Sebagai seorang syabab ataupun belia, setentunya memiliki idea-idea yang menarik, kreatif dan inovatif akan dapat mengajak rakan belia yang lain untuk menyertai program-program anjuran kelab belia masjid," ujarnya lagi.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut dan seterusnya merasmikan karnival tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman. Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Karnival tersebut diisikan dengan aktiviti umum seperti Peraduan Mewarna bagi Kanak-Kanak dan Pondok Gambar (Photobooth), Petak Pameran dan Kesedaran Orang Ramai, Kempen Derma Darah, Walkaton dan Berbasikal, Ceramah dan Forum Perdana serta pertandingan berunsur keugamaan seperti Pertandingan Nasyid, Tausyeh dan Pertandingan 'Pencetus Ummah'. Karnival tersebut antara lain bertujuan untuk mengimarahkan dan menghidupkan masjid dengan pelbagai aktiviti keugamaan dan kemasyarakatan, selain menzahirkan dan memahami fungsi masjid sebagai tempat yang digemari dan tidak asing bagi masyarakat. Karnival yang dianjurkan oleh Masjid Sultan Sharif Ali melalui Kumpulan Syababul Iman tersebut berlangsung selama tiga hari bermula hari ini dan berakhir pada 2 April 2017.



Diantara belia-belia yang menghadiri Ceramah Motivasi 'Inspirasiku' sempena Karnival Cinta Masjid

Tazkirah kempen solat Subuh sempena Karnival Cinta Masjid

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUNAIKAN SEMBAHYANG FARDHU JUMAAT PERTAMA DI MASJID PENGIRAN ANAK HAJI MOHAMED ALAM



JUMAAT, 7 APRIL. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampong Sengkarai bagi menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat pertama di masjid tersebut.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman. Berangkat sama, paduka-paduka anakanda KDYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik. Juga berangkat Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria.

Sejurus keberangkatan tiba, KDYMM dijunjung bagi menandatangani plak dan diiringi dengan laungan takbir sebanyak tiga kali yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Azan Sembahyang Fardhu Jumaat yang pertama dilaungkan oleh Imam Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Awang Haji Md. Deli bin Haji Raya, manakala Khutbah Jumaat dan Sembahyang Fardhu Jumaat diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, masjid berkenaan, Awang Haji Jaya bin Haji Yahya.



Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampong Sengkarai dibina atas tanah berkeluasan lima ekar dan siap sepenuhnya pada 3 Februari 2017 dengan perbelanjaan berjumlah BND3,833,535 yang menggunakan peruntukan Majlis Ugama Islam Brunei melalui himpunan wang zakat. Masjid yang mampu menampung seramai lebih kurang 1,000 jemaah itu mempunyai kemudahan-kemudahan seperti dewan sembahyang utama lelaki, dewan sembahyang perempuan, bilik mesyuarat, bilik kuliah, bilik perpustakaan, bilik pengurusan jenazah dan tempat laluan bagi orang berkeperluan khas (OBK).

Pembukaan masjid berkenaan diharap akan dapat memberi keselesaan kepada penduduk Kampong Sengkarai serta Jemaah yang menunaikan sembahyang fardhu lima waktu dan Sembahyang Fardhu Jumaat di kawasan tersebut. Masjid itu juga diharapkan akan digunakan oleh penduduk kampong untuk menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan bagi meningkatkan serta mengembangkan syiar Islam di kampong berkenaan secara khususnya dan di Negara Brunei Darussalam secara amnya.



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA TERUS TELITI KESESUAIAN PROGRAM BELIA



SABTU, 8 APRIL. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyatakan program-program kebeliaan dalam wadah Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah tidak terlepas dari matlamat kementeriannya untuk memberikan bimbingan keagamaan kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam supaya menjadi orang Islam yang sempurna iman dan amalannya.

Menurut Siaran Akhbar, Yang Berhormat mengatakan hal tersebut ketika mengadakan Muzakarah dan Sesi Dialog bersama seramai 250 ahli kumpulan belia dan beliawanis masjid serta belia da'ie seluruh negara yang berlangsung di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Kata Yang Berhormat, maksud sempurna iman dan amal itu ialah berpegang pada akidah Islam dan beramal dengan ajaran-ajarannya menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah yang lazim diikuti atau dilaksanakan di negara ini. Kementerian Hal Ehwal Ugama bertanggungjawab memastikan program-program yang diikuti oleh belia bertujuan murni dan tidak terpesong atau dipesongkan dari matlamat mengukuhkan akidah dan memantapkan iman serta amalan beragama yang lazim diikuti di negara kita ini. Dengan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui jabatan-jabatan yang berkenaan akan terus meneliti dan memantau kesesuaian program belia dan perisiannya, termasuk tenaga pembimbingnya.

Yang Berhormat berpesan kepada para belia dan beliawanis supaya meneruskan aktiviti-aktiviti dalam wadah kebeliaan anjuran Hal Ehwal Ugama dengan ikhlas demi mengukuhkan akidah, iman dan amalan beragama yang lazim diikuti di negara ini. Beliau juga menasihatkan para belia supaya tidak dikelirukan sehingga terbawa-bawa oleh kumpulan atau orang yang mempunyai motif dan agenda lain, yang mungkin secara tidak disedari akan mengambil alih motif dan agenda program-program kebeliaan KHEU. Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Roslan bin Haji Taja'ah; pengarah-pengarah, penolong-penolong pengarah, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan KHEU. Muzakarah tersebut dikendalikan oleh Unit Belia, Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid. Ia bertujuan untuk memberi peluang dan pendedahan kepada belia dan beliawanis masjid, da'ie dan muallaf berdialog secara langsung bersama Menteri Hal Ehwal Ugama dan pemimpin-pemimpin Hal Ehwal Ugama serta bertukar-tukar pandangan dan cadangan dalam menganjurkan aktiviti keagamaan.



PANTAU SUASANA KELAS AL-QURAN DAN MUQADDAM



JUMAAT, 14 APRIL. – Jabatan Hal Ehwal yang diketuai oleh Timbalan Menteri Hal Masjid sentiasa berusaha sedaya upaya Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka agar kesemua pelajar dapat membaca Al-Quran dengan baik selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan rakyat di negara ini celik Al-Quran. Sehubungan itu, rombongan Lawatan tersebut adalah untuk memantau

Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, mengadakan lawatan ke Kelas Al-Quran dan Muqaddam, di Pusat Kemasyarakatan RPN Kampong Mentiri. Lawatan tersebut adalah untuk memantau

Muqaddam berjalan seperti biasa dan teratur agar suasana pembelajaran sentiasa tenang. Kelas Al-Quran dan Muqaddam disertai oleh 249 murid dan seramai 17 orang guru ugama yang terlatih, termasuk pegawai-pegawai masjid menjadi tenaga pengajar.

Kelas tersebut adalah untuk membantu ibu bapa yang menginginkan anak-anak mereka pandai dan lancar membaca Al-Quran di samping sebagai tambahan untuk memudahkan mempelajari Al-Quran dan Muqaddam di sekolah-sekolah ugama. Menyertai lawatan tersebut ialah Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof, Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Roslan bin Haji Taja'ah dan Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

BENGKEL INTENSIF BACAAN BAGI PEGAWAI MASJID



RABU, 19 APRIL. - Ke arah meningkatkan lagi kualiti dan profesionalisme para Imam dan bilal di negara ini, Bahagian Bimbingan dan Latihan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama sentiasa mengadakan pelbagai kursus, bengkel mahupun latihan kepada para Imam, Bilal serta Marbut di seluruh negara.

Salah satu pendekatan yang diambil ialah dengan mengadakan Bengkel Intensif Bacaan, khusus bagi pegawai-pegawai masjid yang terpilih yang juga diadakan di Daerah Temburong.

Pengendalian bengkel intensif secara berkala ini antara lain bertujuan untuk meningkatkan mutu bacaan di kalangan para pegawai masjid samaada dari segi makhrab huruf mahupun fasahah, meningkatkan hafalan dan

menghalusi Aqwäl wal Af'al atau bacaan-bacaan dan perbuatan dalam solat, taranum bil Quran, penyampaian khutbah yang berkesan dan sebagainya.

Tenaga pengajar bengkel, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Abdul Malik menerangkan bengkel ini diadakan bertujuan untuk membimbing pegawai-pegawai masjid sama ada imam atau bilal mengenal pasti serta menangani apa jua kelemahan agar setiap pegawai masjid memiliki kemahiran terbaik di dalam bacaan-bacaan dalam sembahyang serta doa-doa, serta membiasakan diri mereka dengan bacaan bertaranum dengan baik.

Menurutnya lagi antara yang diperhalusi ialah bacaan surah Al-Fatiha termasuk mengikuti lagu-lagu yang terkenal yang digunakan di Mekah dan Madinah, Azan, doa-doa dan bacaan-bacaan dalam solat.

Sementara itu, salah seorang bilal yang mengikuti bengkel ini, Awang Khirolrizan bin Ibrahim, bilal Masjid Kampong Selangan yang sudah 3 tahun menjadi seorang bilal merasakan bengkel yang diikuti ini sangat relevan untuknya serta pegawai masjid yang lain. Bengkel ini tambahnya amat berguna terutama bagi mentasmiq, memperbaiki serta menghalusi lagi kekurangan-kekurangan pada bacaannya tatkala beliau melaksanakan tugasannya sebagai seorang bilal.

PENGAJIAN KITAB FATHUL MU'IN TINGKAT KREDIBILITI IMAM, BILAL



RABU, 19 APRIL. - Ketokohan para Imam sebagai pemimpin masyarakat tidak dapat dinafikan, kerana peranan besar mereka di negara ini bukan setakat menjadi pemimpin dalam ibadat solat di masjid semata-mata.

Sehubungan itu, dalam usaha berterusan memberikan pengetahuan dan kefahaman yang lebih terperinci, khususnya dalam perbahasan dan perbincangan mengenai hukum-hukum fiqeh, Bahagian Bimbingan dan Latihan, Jabatan Hal Ehwal Masjid Kementerian Hal Ehwal Ugama, pada setiap hari Rabu mengadakan Pengajian Kitab Fathul Mu'in khusus bagi Pegawai-Pegawai Masjid yang terdiri

dari seramai 20 orang Imam dan Bilal di Daerah Temburong, bertempat di Masjid Kampong Puni.

Ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kredibiliti para Imam dan Bilal. Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amynor bin Haji Mohammad Yaakub selaku tenaga pengajar pengajian antara lain menerangkan, peranan besar seorang Imam sebagai pemimpin yang berakhhlak tinggi dan disegani menjadi contoh teladan terbaik atau *role model* kepada masyarakat. Tambahan Kitab Fathul Mu'in ini dipilih untuk diajarkan kepada para pegawai masjid memandangkan inti patinya menghuraikan segala permasalahan secara khusus dan terperinci, dan pengetahuan sebegini amat penting untuk dimiliki para pegawai masjid tatkala berhadapan dengan pelbagai persoalan yang ditimbulkan oleh masyarakat. Sementara itu, Imam Masjid Kampong Selangan yang juga Ketua Kawasan 2, Hal Ehwal Masjid Daerah Temburong, Awang Mahdini bin Kamis, melahirkan rasa syukur kerana sepanjang beliau dan Pegawai-Pegawai Masjid lainnya mengikuti pengajian Kitab Fathul Mu'in setiap minggu, banyak ilmu pengetahuan yang diperoleh dan akan diaplikasikan serta dikongsikan kepada para jemaah dan masyarakat kampong di mana mereka bertugas. Sementara itu, bagi Imam Masjid Pengiran Haji Abu Bakar Kampong Bokok, Awang Mohd. Safwan bin Zolkipli, berkata selama beliau mengikuti pembelajaran menerusi bengkel ini, banyak ilmu pengetahuan yang baru telah dipelajarinya. Beliau juga berazam untuk mengamalkan segala yang dipelajarinya selain dapat dikongsikan dengan jemaah masjid.

MAJLIS MENYERTU MASJID BARU KAMPONG KULAPIS



SELASA, 25 APRIL. - Penduduk Kampong Kulapis dan sekitarnya akan mempunyai sebuah masjid baharu dalam masa terdekat ini. Sehubungan itu, Majlis Menyertu Bangunan Baharu Masjid Wakaf Kampong Kulapis diadakan di Bangunan Baharu Masjid berkenaan, yang dimulai oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Masjid Wakaf Kampong Kulapis tersebut boleh menampung secara keseluruhan seramai lebih kurang 700 jemaah. Antara kemudahan yang disediakan di masjid itu seperti Dewan Sembahyang Utama (Lelaki), Ruang Sembahyang Perempuan, Bilik Imam / Bilal, Bilik Stor, Bilik Dapur, Bilik Bacaan, Bilik Mesyuarat, Bilik Serbaguna, Tempat Letak Kereta, Tandas dan Tempat Berwuduk bagi jemaah Lelaki

dan Perempuan yang berasingan dan Bilik Pengurusan Jenazah. Majlis menyertu bertujuan untuk memastikan kebersihannya sebelum pemasangan permaidani dilaksanakan dan sebelum masjid ini digunakan sepenuhnya. Acara pada hari tersebut diakhiri dengan bacaan Tahlii dan Doa Arwah yang di kepala oleh Pengusaha Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murat.

MASJID BATU APOI ADAKAN MAJLIS HALAQAH ZIKIR

KHAMIS, 27 APRIL. - Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Temburong dengan kerjasama Masjid Batu Apoi mengadakan Majlis Halaqah Zikir yang berlangsung di Masjid Kampong Batu Apoi.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah bagi memohon keberkatan bagi Negara Brunei Darussalam dan pegawai dan kakitangan kerajaan. Majlis diteruskan dengan membaca Surah Yasin beramai-ramai dan diakhiri dengan membaca Doa Khas Halaqah Zikir oleh Ketua Imam, Masjid Kampong Batu Apoi, Awang Shamsuddin bin Haji Azahari. Majlis juga diseluruhkan dengan penyampaian penghargaan bagi meraikan persaraan mantan Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Temburong, Awang Haji Adam bin Haji Tengah, yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Temburong, Awang Elde bin Haji Suhaili. Juga hadir pada majlis itu, Pemangku Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Haji



Kamarulzaman bin Kamis; Ketua Kampong Batu Apoi, Awang Haji Daud bin Masri; Pegawai-pegawai Masjid Daerah Temburong serta pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong.

Pengerusi Majlis Halaqah Zikir kali ini, Ketua Imam, Masjid Kampong Batu Apoi, Awang Shamsuddin bin Haji Azahari menjelaskan, majlis keugamaan yang diadakan pada setiap bulan di klinik kerajaan yang hadir. Ugama Daerah Temburong, Awang Haji

ibadat di Daerah Temburong ini diadakan bertujuan bagi menyahut hasrat dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir yang berdiri teguh di atas landasan Baldatun Tayyibatun Warrabun Ghaffur, iaitu dengan berdoa semoga Negara Brunei Darussalam khasnya penduduk-penduduknya sentiasa diberkati Allah, mencapai kejayaan, diluaskan rezeki dan dijauhi dari sebarang bala bencana. Di samping itu tambahan, majlis seumpama ini juga bertujuan untuk menjadikan zikir itu sebagai amalan harian oleh setiap kakitangan jabatan-jabatan kerajaan serta salah satu cara untuk mengembangkan syiar Islam di negara ini, di samping dapat mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai-pegawai masjid dan

masjid

dan

AWANG MAHMUD JUARA PERTANDINGAN AZAN DAN IQAMAT SENEGARA



AHAD, 30 APRIL. - Awang Mahmud bin Abu Bakar dari Masjid RPN Lambak Kanan muncul juara bagi Kategori 'A' pada Pertandingan Azan dan Iqamat Senegara 1438H / 2017M Kali Ke-15 yang berlangsung di Masjid Kampong Bunut.

Manakala naib juara pula ialah Awang Haji Zulkifli bin Haji Abdullah daripada Masjid Kampong Penanjong, diikuti dengan Awang Haji Mohamad bin Haji Md. Daud wakil dari Masjid Kampong Bunut.

Sementara itu, juara bagi Kategori 'B' pula ialah Awang Muhammad Nur Hamizan bin Haji Yakob dari Masjid Kampong Menengah, diikuti dengan Awang Abdul Muiz bin Misli dari Masjid Kampong Bunut ditempat kedua dan Awang Mohd.

Yusrun bin Haji Johari dari Masjid Kampong Mentiri di tempat ketiga. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah dan sijil kepada para pemenang ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari selaku Ketua Kampong Limau Manis. Pertandingan tersebut adalah anjuran bersama Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Bunut; Majlis Perundingan Kampong Bunut Perpindahan; Majlis Perundingan Kampong Meradun - Bunut; Majlis Perundingan Kampong Madewa - Telanai; Ikatan Persatuan Belia Bunut (IKERAB); dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

PEJABAT HAL EHWAL UGAMA DAERAH TEMBURONG JUARA FUTSAL KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



JUMAAT, 5 MEI. — Pasukan Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong muncul juara setelah mengalahkan pasukan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menerusi tendangan penalti 2 - 1 pada Kejohanan Futsal Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bagi Tahun 2017 Masihi.

Hadir menyaksikan dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah perlawanan akhir kejohanan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan, Berakas ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Sementara itu, pasukan Pusat Da'wah Islamiah dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) pula masing-masing mendapat tempat ketiga dan keempat. Juara menerima hadiah wang tunai sebanyak BND600.00, trofi serta plak penyertaan, manakala naib juara dan tempat ketiga masing-masing menerima hadiah wang tunai BND400.00 dan BND300.00, trofi serta plak penyertaan. Turut menyaksikan ialah Pemangku Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Harun bin Haji Junid, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Kejohanan yang dianjurkan bersama oleh Jabatan Pentadbiran, Jabatan Hal Ehwal Masjid dan ITQSHHB itu disertai oleh 20 pasukan yang dibahagikan pada empat kumpulan dan telah berentap di peringkat saringan bagi merebut peluang untuk mara ke peringkat suku akhir dan seterusnya ke peringkat separuh akhir juga perlawanan akhir.

MASJID SELURUH NEGARA ADAKAN MAJLIS MEMBACA SURAH YASIN DAN DOA KHAS SEMPENA NISFU SYAABAN



KHAMIS, 11 MEI. - Dengan kelebihan yang terdapat pada Malam Nisfu Syaaban, umat Islam adalah digalakkan untuk memperbanyakkan amal ibadat dan zikir bagi meraih kelebihan serta keberkatan yang terdapat pada malam tersebut.

'Nisfu' adalah perkataan Arab yang apabila diterjemahkan bermaksud 'pertengahan' yang disambut oleh umat Islam di seluruh negara pada setiap 15 Syaaban, bulan kelapan dalam Takwim Hijrah.

Sehubungan itu, umat Islam di Negara Brunei Darussalam sama-sama hadir dan berhimpun di masjid-masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara bagi mengadakan Majlis Membaca Surah Yasin dan Doa Khas sempena Nisfu Syaaban, dengan tumpuan di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong.

Hadir selaku tetamu kehormat di masjid tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid. Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat, yang kemudiannya mengetuai bacaan Doa Khas sempena Nisfu Syaaban. Juga hadir ialah pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan dari KHEU serta para jemaah masjid.

PEJABAT HAL EHWAL MASJID DEARAH BELAIT ADAKAN PROGRAM RIADAH SIHAT



AHAD, 14 MEI. - Kesihatan tubuh badan membolehkan individu melakukan peribadatan, khususnya bagi ibadah-ibadah wajib dan ibadah-ibadah sunat amnya. Pengamalan makanan sihat serta melakukan senaman dapat membantu seseorang itu menjadi sihat, dalam erti kata lain, sihat tubuh badan, minda dan hati.

Ke arah itu, Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Belait dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait mengadakan Program Riadah Sihat yang dibukakan kepada orang ramai.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka

Haji Othman. Pada acara riadah berkenaan, Yang Berhormat menyempurnakan pelancaran acara berbasikal bagi lelaki dengan jarak 13 kilometer, diikuti dengan acara berjalan kaki sejauh 3.6 km bagi perempuan. Tetamu kehormat juga menyampaikan sumbangan kepada enam keluarga kurang berkemampuan yang tinggal di sekitar Pekan Seria dan menyampaikan sijil kepada pembimbing klinik.

Pelbagai aktiviti telah diadakan, antaranya Klinik Fatihah, Solat Orang Sakit, Wudhu', Tayammum dan Anggota Bertampal, Klinik Muafiq dan Masbuk, Peraduan Mewarna dan sebagainya. Sebelum aktiviti Program Riadah Sihat 2017 dijalankan, ia telah didahului dengan menunaikan Sembahyang Fardhu Subuh Berjemaah, diikuti dengan tazkirah yang disampaikan oleh Belia Daie, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak yang dihadiri oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Pegawai Daerah Belait.

Pelita Brunei menemu bual Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Belait, Awang Haji Haslan bin Haji Shahbuddin berkata, aktiviti seumpama itu akan diteruskan sebagai kegiatan masjid dan ia akan diteruskan jika ada sokongan padu daripada pihak-pihak yang tertentu untuk menaja minuman dan sebagainya. "Sejauh ini, sambutan sangat menggalakkan, memandangkan pada penyertaan daripada jemaah masjid juga orang ramai yang terdiri dari pelbagai peringkat masyarakat, ia bukan saja penggalak pada cara hidup sihat, tetapi ia juga merupakan riadah yang dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara satu sama lain," tambah beliau.

Sementara itu, salah seorang peserta veteran, Awang Haji Nayan bin Haji Abas, 67, pesara dari Jabatan Kerja Raya menyertai aktiviti berbasikal bersama sahabat-handai beliau berasa gembira dengan penyertaan pertama mereka dan memberi saranan agar riadah seumpama itu akan diteruskan setiap minggu kerana aktiviti itu selain menyihatkan tubuh badan, ia juga dapat memupuk semangat setia kawan di semua peringkat masyarakat dan yang penting saling bersilaturahim.

Manakala salah seorang penerima sumbangan, Dayang Salmah binti Ismail bersyukur dan berterima kasih kepada penderma-penderma yang prihatin akan kekurangan yang beliau dan keluarga alami, dengan adanya bantuan berupa barang makan dapatlah menampung keperluan sehari-hari mereka sekeluarga.

Isteri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Zalina binti Haji Omar dalam pada itu telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang bagi Peraduan Mewarna, kategori kanak-kanak. Pemenang Peraduan Mewarna, Awang Farid Hakimi bin Basiman bersekolah di Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin, Tahun 2, melahirkan rasa gembira atas percubaannya yang memnuahkan hasil pada hari itu. Tujuan acara tersebut diadakan untuk meningkatkan usaha dalam menjagaan tubuh badan dan menjadikan masjid sebagai pusat perpaduan, di samping pusat peribadatan serta dapat mengukuhkan lagi tali silaturahim dalam kalangan penduduk Kampong dan rakyat Negara Brunei Darussalam. Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Pemangku Setiausaha Tetap dan Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama; Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Roslan bin Haji Taja'ah dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Syarikat Serikandi, Shaikh Haji Khalid bin Shaikh Ahmad yang turut sama menghulurkan sumbangan kewangan.

TAKMIR MASJID PERPINDAHAN LAMBAK KANAN ANJUR RIADAH AMAL



AHAD, 14 MEI. - Lebih 80 jemaah Masjid Perpindahan Lambak Kanan menyertai Riadah Amal sempena Hari Keluarga Kebangsaan anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir masjid berkenaan dengan kerjasama MK Fashion Sport House and Embroidery. Hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, selaku Penghulu Mukim Berakas 'B'.

Majlis dimulai dengan Sembahyang Fardhu Subuh Berjemaah diikuti dengan Tazkirah Khas Hari Keluarga oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Nazirul Mubin bin Ahad. Seterusnya aktiviti riadah dimulai dengan senaman pemanasan badan yang diketuai oleh Imam Masjid tersebut, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Jumat yang kemudiannya diselajurkan dengan aktiviti riadah berjalan kaki sejauh 2.5 kilometer di kawasan Perpindahan Lambak Kanan. Hasil kutipan dari Riadah Amal tersebut akan disumbangkan kepada saudara-saudara baharu.

LEBIH 150 ORANG SERTAI KEM PEN BERSIHKAN TANAH PERKUBURAN ISLAM SUNGA PANJANG



AHAD, 14 MEI. - Lebih 150 orang menyertai Kempen Membersihkan Tanah Perkuburan Islam Sungai Panjang, Kampong Batu Marang yang dikendalikan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Batu Marang yang diadakan.

Hadir selaku tetamu undangan ialah Ketua Unit Tanah-Tanah Perkuburan Islam, Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Md. Aswandi bin Sulaiman. Juga hadir, Ketua Kampong Batu Marang, Awang Haji Maidin bin Tarip, selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir; Pengiran Haji Merali bin Pengiran Ismail, selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Batu Marang serta penduduk Kampong berkenaan.

Menurut Pegawai Hal Ehwal Masjid / Ketua Imam, Awang Saiful Rizal bin Haji Abdul Ghafar, selaku Pengurus Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Batu Marang menjelaskan, tahun ini merupakan kali pertama kempen kebersihan diadakan pada hari ahad, di mana pada tahun-tahun sebelumnya ia diadakan pada hari Jumaat. Beliau juga bersyukur kerana sambutan dan sokongan daripada para penduduk kampong amat menggalakkan dan membanggakan kerana sama-sama bergotong-royong mengusahakan pemotongan rumput-rampai yang panjang dan menebang pokok-pokok. Pada majlis itu, bacaan Tahfiz dan doa Arwah dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid / Ketua Imam Masjid Kampong Batu Marang.

MAJLIS SERAH TERIMA MASJID BAHARU KAMPONG KULAPIS

ISNIN, 15 MEI. — Dengan menjelangnya ketibaan bulan Ramadan Al-Mubarak, penduduk Kampong Kulapis dan sekitarnya akan bersama-sama mengadakan pelbagai aktiviti keugamaan di Masjid Baharu Kampong Kulapis.

Sehubungan itu, satu Majlis Serah Terima Sumbangan Wakaf Untuk Masjid Baharu diadakan dengan penyerahan bangunan masjid oleh keluarga pewakaf kepada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) selaku pemegang amanah dan penerima tunggal bagi semua wakaf, termasuk berkaitan dengan hal ehwal masjid di Negara Brunei Darussalam.

Menerima wakaf masjid baharu berkenaan bagi pihak MUIB ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, juga selaku Naib Yang Di-Pertuan MUIB.

Seterusnya diikuti dengan serah terima kepada Pemangku Pengarah Hal Ehwal



Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri. Masjid tersebut diwakafkan oleh sebuah keluarga sebagai tanda kenangan kepada Kampong Kulapis dan dibina di atas sebidang tanah kerajaan dengan keluasan lima ekar.

Keseluruhan kapasiti masjid tersebut boleh menampung lebih kurang 700 jemaah dengan beberapa kemudahan tersedia termasuk Ruang Sembahyang Utama (Lelaki), Ruang Sembahyang Perempuan, Bilik Imam dan Bilal, Bilik Stor, Bilik Dapur, Bilik Bacaan, Bilik Mesyuarat, Bilik Serbaguna, Tempat Letak Kereta, Tandas, Tempat Berwuduk berasangan bagi jemaah lelaki dan perempuan dan Bilik Pengurusan Jenazah.

Juga hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof serta Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Roslan bin Haji Taja'ah dan Awang Haji Harun bin Haji Junid.

DOA KESYUKURAN PEMBUKAAN MASJID KAMPONG KULAPIS



JUMAAT, 19 MEI. - Penduduk Kampong Kulapis kini dapat menikmati keselesaan dalam menjalankan ibadah dengan terbinanya masjid baharu di Kampong tersebut, iaitu Masjid Pehin Khatib Abdullah.

Sehubungan itu, satu Majlis doa Kesyukuran telah diadakan lewat petang ini sempena pembukaan masjid berkenaan. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Acara dimulakan dengan Solat Fardhu Maghrib Berjemaah dan diteruskan dengan dikir beramai-ramai yang dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Para pendikir terdiri daripada kumpulan Dikir Burong Pingai Berakas; Burong Pingai Air; Masjid Pengiran Muda Abdul Mateen, Kampong Mulaut dan Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddien. Turut hadir, para penduduk Kampong Kulapis dan kawasan sekitarnya.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA BERANGKAT MENUNAIKAN SEMBAHYANG FARDHU JUMAAT PERTAMA DI MASJID PEHIN KHATIB ABDULLAH



JUMAAT, 19 MEI. - Syukur atas terbinanya sebuah lagi masjid baharu, iaitu Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampong Kulapis yang menjadi mercu perkembangan syiar Islam khususnya buat penduduk di kawasan itu dan sekitarnya untuk beribadah serta menyelenggarakan aktiviti yang berkebajikan nanti. Pada Jumaat yang berkat ini juga turut menjadi ristaan kenangan dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat yang pertama bersama para jemaah.

Keberangkatan tiba KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman. Berangkat sama, paduka-paduka anakanda KDYMM, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Seurus keberangkatan tiba, KDYMM seterusnya dijunjung bagi menandatangani plak dan kemudiannya diiringi laungan takbir sebanyak tiga kali dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Khutbah Jumaat Pertama di masjid itu dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned yang antara lain menjelaskan kelebihan orang yang membina Rumah Allah (masjid) mempunyai status tersendiri serta diberi ganjaran yang hebat. Rumah dalam syurga akan menjadi habuan bagi mereka yang membina masjid tidak kira saiznya besar atau kecil masjid itu.

Semasa khatib membacakan khutbah di atas mimbar itu seterusnya menekankan bahawa niat membina masjid itu adalah kerana Allah Subhanahu Wata'alá bererti semata-mata untuk agama, menjulang syiar dan taat kepada Nya. Tambahnya, kita di negara ini sekarang berpeluang untuk terlibat dalam membina masjid melalui adanya Tabung Dana bagi membina masjid yang dilancarkan pada 4 Jun 2015 lalu atas titah dan wawasan KDYMM untuk sama-sama bertanam saham di akhirat. Sumbangan itu bukanlah mandatori, tetapi bersifat seangkat-angkat hati dan jumlah dana setakat Disember 2016 berjaya mengumpul hampir BND4 juta dan belum termasuk sumbangan daripada sekitar 60,000 para pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam.

Hanya yang baru terlibat menyumbang itu dianggarkan 15 peratus sahaja atau kurang lagi daripada itu. Dana ini sekarang sudah mula difahami dan diminati serta sumbangan bagi dana tersebut adalah semakin mantap diterima melalui pemotongan gaji. Yang



Berhormat Pehin dalam khutbahnya juga menyeru umat Islam sama-sama menyumbang untuk masjid dan yang penting ialah keikhlasan walaupun sedikit sumbangan sedekah itu. Sejurus selesai khutbah Jumaat dibacakan, Sembahyang Fardhu Jumaat kemudian diimamkan oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Sebelum berangkat balik, KDYMM dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada para jemaah yang hadir. Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampong Kulapis merupakan wakaf daripada sebuah keluarga sebagai tanda kenangan kepada Kampong Kulapis dan ia dibina di atas sebidang tanah kerajaan seluas lima ekar. Pembinaan masjid itu bermula pada 14 September 2015 diikuti dengan Majlis Mendirikan Tiang Seri Masjid tersebut pada 13 November 2015. Manakala Majlis Serah Terima bangunan telah diadakan pada 15 Mei 2017 dan pembinaannya siap sepenuhnya pada 1 Mei 2017. Pembukaan masjid itu diharap akan dapat memberi keselesaan kepada para penduduk Kampong itu serta jemaah yang menuaikan ibadah sembahyang serta dapat menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan bagi meningkatkan serta mengembangkan syiar Islam di Kampong Kulapis khususnya dan di Negara Brunei Darussalam amnya.



117 ORANG DILANTIK JADI IMAM BAGI SEMBAHYANG TARAWIH SEPANJANG BULAN RAMADHAN

SELASA, 23 MEI. — Dalam beberapa hari sahaja lagi umat Islam akan menuaikan ibadah puasa bulan Ramadan, iaitu bulan yang penuh dengan keberkatan dan keistimewaan di dalamnya.

Seperti lazimannya umat Islam akan memperbanyakkan amal ibadat pada bulan tersebut dengan mengerjakan Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara.

Seramai 117 orang terdiri daripada pegawai masjid dan tenaga pengajar serta penuntut dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) telah dilantik menjadi imam-imam bagi Sembahyang Sunat Tarawih sepanjang bulan Ramadan Tahun 1438 Hijrah.



Ke arah itu, Majlis Penyampaian Surat Lan-tikan kepada Imam-imam Sembahyang Sunat Tarawih berlangsung di Dewan Serbaguna, Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong, yang disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid selaku tetamu kehormat majlis.

Objektif penempatan itu adalah sebagai usaha dalam memantapkan hafazan mereka juga supaya mereka diberikan pengalaman sebagai seorang imam.

Terdahulu dari itu, satu sesi taklimat Sembahyang Sunat Tarawih dari kalangan pegawai masjid dan warga ITQSHHB bagi Tahun 1438 Hijrah telah diadakan pada sebelah pagi di dewan yang sama.

Taklimat tersebut merupakan kelolaan bersama Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama ITQSHHB yang telah disampaikan oleh Ketua Bahagian Bimbiningan dan Latihan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Suhaimi bin Haji Mohd. Noor dan beberapa tenaga pengajar dari institut tersebut.

PERTANDINGAN TAUSYEH ERATKAN SILATURAHIM



SELASA, 23 MEI. - Kumpulan Tausyeh dari Tausyeh Masjid RPN Kampong Bukit Beruang, Zon 1, Daerah Tutong dan Masjid Zon 2 diumumkan sebagai johan Pertandingan Tausyeh bagi Kategori Pegawai Masjid dan Jemputan Senegara bagi Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi.

Sementara itu, johan bagi Kategori Ahli Jawatankuasa Takmir dan Jemaah Masjid Lelaki dan Perempuan masing-masing disandang oleh Kumpulan Tausyeh Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dan Masjid Mohamed Bolkiah, Serusop, Brunei dan Muara Zon 2.

Menyandang johan bagi Kategori Belia Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Timbalan

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid. Pertandingan yang diungkayahkan bersama oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah itu bertujuan sebagai wadah menghidupkan syiar Islam melalui zikir tausyeh dan menjadikan masjid sebagai tempat perkumpulan masyarakat Islam tanpa mengira perbezaan usia.

Selain dari mencungkil bakat yang terpendam, pertandingan juga sekaligus merealisasikan dan menyahut tinggi hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah Negara Zikir.

Dengan adanya pertandingan tausyeh seumpama itu juga dapat melahirkan semangat suka mengikuti pelbagai pertandingan yang berbentuk keislaman juga mengekalkan serta menghidupkan lagu-lagu tausyeh dalam kalangan masyarakat Islam agar tidak hilang ditelan zaman.

MAJLIS PEMBUKAAN TADARUS AL-QURAN SE PANJANG BULAN RAMADHAN 2017M



JUMAAT, 26 MEI. - Masjid Omar 'Ali Saifuddien menjadi tumpuan Majlis Pembukaan Tadarus Al-Quran bagi Masjid / Surau / Balai Ibadat Seluruh Negara malam tadi. Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Tadarus tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama diikuti dengan bacaan Surah Al-Baqarah bagi memulakan tadarus. Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam pula dibacakan oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. Majlis Pembukaan Tadarus Al-Quran Bagi Masjid / Surau / Balai Ibadat Seluruh Negara tersebut telah dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

TAZKIRAH SUBUH DI MASJIID UTAMA MOHAMMAD SALLEH, PEKAN BANGAR



KHAMIS, 25 MEI. - Ke arah memakmurkan masjid sebagai rumah Allah serta meraih keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, para jemaah di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar berpeluang memperdengarkan satu sesi Tazkirah Subuh yang berlangsung selepas para jemaah menunaikan Sembahyang Fardhu Subuh di masjid berkenaan. Hadir sama ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan Datin; Pemangku Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Haji Kamarulzaman bin Kamis; pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama serta jemaah masjid.

Tazkirah Subuh disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam, KHEU, Awang Abdul Aziz bin Haji Akop dengan tajuk 'Golongan Yang Tidak Diperdaya Syaitan'. Awang Abdul Aziz antara lain menghuraikan bahawa sememangnya termaktub di dalam Al-Quran bahawa tujuan utama manusia itu diutus di atas muka bumi ini adalah semata-mata untuk beribadat serta menghambakan diri menyembah Allah Ta'ala.

Manakala iblis pula telah berikrar di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala untuk menyesatkan manusia dari jalan yang benar dan mengheret sebanyak mungkin umat manusia untuk bersama-sama masuk ke dalam neraka dengan menyeru pada kekufturan, syirik, kelalaian dan berbuat maksiat.

Awang Abdul Aziz menambah lagi, di dunia ini memang sukar kita hendak menemukan golongan manusia yang tidak mampu diperdaya syaitan dan semua manusia adalah tidak terlepas dari menjadi sasarannya lebih-lebih lagi para Nabi, para wali dan para solehin.

Beliau berkongsi bahawa taubat adalah satu-satunya cara untuk menghapuskan dosa-dosa dan kesalahan-kesalahan yang pernah kita lakukan khususnya dengan Taubat Nasuha, iaitu dengan berhenti dari melakukan dosa dan menyesalinya serta berazam tidak akan mengulanginya pada masa akan datang.

ROMBONGAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA BERTADARUS DI MASJID KAMPONG SUNGAI TERABAN

SELASA, 30 MEI. – Bulan Ramadan Al-Mubarak adalah bulan yang dinanti-nantikan ini kerana bulan tersebut memberi makna besar dalam perjalanan hidup seorang Muslim. Pintu-pintu syurga dibuka pada bulan Ramadan dan peluang-peluang mendapatkan kelebihan dan pahala yang berlipat ganda turut dibukakan seluas-luasnya kepada umat Islam sepanjang bulan ini.



Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Juga menyertai acara keagamaan itu ialah Ugama telah mengaturkan jadual Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang bertadarus bagi rombongan terdiri Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin daripada para pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan ke beberapa buah majlis di Negara Brunei Darussalam. Masjid Kampong Sungai Teraban hari ini menjadi tumpuan rombongan Tadarus KHEU.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis itu ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Jadual Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang bertadarus bagi rombongan terdiri Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, selaku Penghulu Mukim Liang Majlis Tadarus Al-Quran kali ini diselenggarakan bersama oleh Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Bahagian Antarabangsa dan MABIMS, Bahagian Perhubungan Awam dan Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait. Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid Sungai Teraban, Awang Haji Omarali bin Haji Md. Husain.

Majlis diselajurkan dengan penyampaian Agihan Wang Zakat Hari Raya kepada 20 ketua keluarga asnaf fakir miskin di kawasan berkenaan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis yang juga merupakan Naib Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei.

Majlis diteruskan dengan bacaan Al-Quran secara Tarannum oleh Petugas Zakat Tingkat Khas, Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat Daerah Belait, Awang Abdul Qayyum bin Haji Aminuddin, manakala huraian dan pemahaman serta kesimpulan ayat disampaikan oleh Guru Besar Sekolah Ugama Sungai Tali, Lumut, Seria, Awang Md. Zairul Halfi bin Talip. Bacaan Tahlil dan Doa Arwah dipimpin oleh Imam Masjid Kampong Sungai Teraban dan Doa Peliharakan Sultan dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kawasan I, Awang Akup bin Haji Lamat. Para rombongan KHEU bersama-sama para jemputan khas, ahli jawatankuasa takmir dan Jemaah masjid berbuka puasa dan menunaikan Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah.

MENTERI HAL EHWAL UGAMA ADAKAN MAJLIS BERTADARUS

ISNIN, 5 JUN. – Sememangnya kedatangan Ramadan amat dinantikan oleh setiap umat Islam kerana dalamnya terkandung keberkahan dan ganjaran kebajikan yang berlipat ganda. Justeru itu, kita seharusnya memperbanyakkan amal ibadah antaranya bersedekah, Tadarus Al-Quran dan amalan-amalan mulia demi mendapatkan pahala yang banyak di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam menyemarakkan lagi Ramadan Al-Mubarak tahun ini, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman turut mengadakan Majlis Tadarus di kediamannya di Kampong Sungai Besar.



Majlis dimulakan dengan bacaan Ummul Kitab (Surah Al-Fatiha) beramai-ramai dipimpin oleh Yang Berhormat seterusnya diikuti bacaan Al-Quran. Pembacaan ayat suci Al-Quran juga disertai oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama serta Ahli Jawatankuasa Takmir dan belia-belia masjid dari Masjid RPN Kampong Mentiri, Masjid Kampong Kapok dan Masjid Kampong Sungai Besar.

Kemudian Tahlil dan Doa Arwah dipimpin oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Haji Zulkifli bin Haji Murat. Sementara Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid RPN Kampong Mentiri, Haji Abd Aziz bin Haji Abdullah. Acara juga diselajurkan dengan berbuka puasa.

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA ADAKAN MAJLIS KHATMA AL-QURAN



JUMAAT, 16 JUN. – Pembacaan Tadarus 30 Juz Al-Quran yang diselenggarakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman berakhir dengan Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampong Kulapis.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan disusuli dengan bacaan surah-surah Al-Quran bermula dari Ad-Dhuha. Majlis juga disemarakkan dengan Tahtim Al-Quran dan Doa Khatam dari Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Zainal bin Haji Othman yang juga membacakan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Sementara Tahlil dan Doa Arwah dikepalai oleh imam masjid tersebut, Awang Haji Mohd. Burhanuddin bin Haji Damit. Majlis diserikan lagi dengan Dikir Marhaban daripada para pegawai masjid. Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Haji Harun bin Haji Junid dan Awang Roslan bin Haji Taja'ah; para pegawai KHEU serta penduduk di Kampong berkenaan.

MAJLIS KHATAM BELIA MASJID KAMPONG SUNGAI BESAR

AHAD, 18 JUN. - Dalam usaha menggalakkan penguasaan bacaan surah-surah Al-Quran kepada belia dan beliawanis di negara ini, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Sungai Besar telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran di Masjid Kampong Sungai Besar.

Seramai 71 orang peserta terdiri daripada belia dan beliawanis berusia 13 hingga 30 tahun mengkhatamkan bacaan mereka. Hadir selaku tetamu kehormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang diketuai oleh tetamu kehormat, diikuti dengan bacaan surah-surah Khatam, Takhtim dan Tahlil, manakala Doa Takhtim telah dibacakan oleh AJK Takmir dan Jemaah, sementara bacaan Doa Tahlil pula dibacakan oleh Awang Haji Ali Taufiq bin Haji Abd Rahman dan diakhiri dengan Zikir Marhaban.



Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil kepada peserta Tadarus Al-Quran dan 30 orang anak yatim serta lima orang ibu tunggal. Program tersebut merupakan salah satu usaha untuk memupuk kesedaran dalam meningkatkan kefasihan, kelancaran dan tajwid yang tepat dalam pembacaan Al-Quran.

77 ANAK YATIM TERIMA SUMBANGAN DERMA

RABU, 14 JUN. - Islam sangat mementingkan hubungan baik dalam kalangan umatnya, yang mana perkara ini dapat menjadikan umat Islam sebagai umat yang kuat dan bersatu padu.

Justeru, amalan bantu-membantu sangat digalakkan oleh agama Islam, kerana ia dapat menimbulkan perasaan hormat-menghormati tanpa mengira sesiapa dan salah satu cara bagi melaksanakan konsep ini ialah dengan amalan bersedekah.

Bersedekah sama ada dengan wang ringgit atau lainnya merupakan amalan mulia yang memberi keuntungan kepada orang yang



mengeluarkannya dan orang yang menerima. Orang yang bersedekah mendapat balasan pahala sementara bagi orang yang menerima pula dapat menggunakan sedekah tersebut bagi Zakariah.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Sumbangan bagi Anak-Anak Yatim diadakan di Masjid Mohammed Bolkiah, Kampong Serusop.

Pada majlis tersebut, seramai 77 anak yatim dari Kampong Serusop dan sekitarnya telah menerima sumbangan derma dari Syarikat Nazmi Textile.

Sumbangan derma disempurnakan oleh tetamu kehormat, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri. Juga hadir, Pengurus Syarikat Nazmi Textile, Awang Nazeer Ahmad Zakariah.

ROMBONGAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA TERUSKAN PROGRAM TADARUS DI BALAI IBADAT KAMPONG MATA-MATA



RABU, 14 JUN. — Kementerian Hal Ehwal Ugama meneruskan lagi Program Tadarus mereka ke Balai Ibadat Kampong Mata-Mata, Gadong. Mengetuai rombongan itu, Timbalan Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Roslan bin Haji Taja'ah yang juga memimpin bacaan Surah Al-Fatiyah bagi memulakan acara.

Majlis itu juga diselanjurkan dengan Penyampaian Agihan Zakat Wang Tunai kepada seramai 411 Asnaf Fakir Miskin disampaikan oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Haji Awang Amir Hisham bin Haji Awang Masri yang juga selaku Ahli Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat, Majlis Ugama Islam Brunei. Para penerima terdiri daripada mereka yang tinggal di Mukim Gadong 'A' dan 'B', iaitu 125 orang ketua keluarga dan 286 tanggungan masing-masing.

Penyampaian tersebut berjumlah BND87,550 dan diambil daripada peruntukan Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin. Acara disemarakkan dengan bacaan Al-Quran, Surah an-Nur (ayat 21 hingga ayat 23) oleh Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Abd. Kadir, manakala Awang Ilmami bin Haji Othman pula membacakan tafsirannya.

Sementara bacaan Tahliil dan Doa Arwah dipimpin oleh Imam balai ibadat berkenaan, Awang Haji Isa bin Haji Saban dan seterusnya mengimamkan Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah. Tadarus Rombongan KHEU selanjutnya akan meneruskan program mereka ke Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampong Sungai Akar pada Sabtu ini nanti.

MAJLIS KHATAM BELIA DI MASJID AL-AMEERAH AL-HAJJAH MARYAM

SELASA, 20 JUN. - Meskipun Ramadan bakal sampai ke penghujungnya namun umat Islam masih giat mengadakan Tadarus yang tiada had batasan umur muda atau sebaliknya. Dalam mempraktikkan para belia untuk mendekati Al-Quran, kira-kira 500 belia masjid yang telah menyertai Tadarus diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran Kumpulan Belia Masjid Seluruh Negara Sempena Tadarus Al-Quran di Bulan Ramadan bagi Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi berlangsung di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.



Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Perhimpunan Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman yang juga memimpin bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan acara. Bacaan Tahtim dipimpin oleh Kumpulan Belia Masjid Kampong Sungai Besar, manakala bacaan Doa Khatam pula dibacakan oleh belia masjid itu, Awang Md. Nurhazim bin Haji Kamruzzaman.

Sementara itu, Belia Masjid Universiti Brunei Darussalam, Awang Md. Syahmi bin Haji Abd. Mutualib memimpin bacaan Tahliil dan doa. Turut menyemarakkan majlis ialah persembahan Dikir Marhaban oleh Kumpulan Belia Masjid Kampong Sungai Besar.



Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam seterusnya dibacakan oleh Belia Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong, Awang Md. Nabil Min Fadhlillah bin Haji Abd. Majid. Acara anjuran kolaborasi antara Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam bertujuan untuk menyuntik semangat cinta kepada kitab suci Al-Quran dan beramal dengannya serta mengeratkan silaturahim dalam kalangan ahli kumpulan belia dan beliananis masjid seluruh negara. Di samping itu juga adalah untuk menyemarakkan lagi masjid dengan aktiviti-aktiviti keugamaan demi mengukuhkan pembentukan sebuah Negara Zikir.

IMAM JEMPUTAN MENGIMAMKAN SUNAT TARAWIH




Sunat Tarawih di Masjid Sultan Sharif Ali. Fadilatus Syeikh Abdul Wahhab Al-Tantawi mula mengimamkan Sembahyang Sunat Tarawih di negara ini pada 17 Jun yang lalu yang bermula di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan dan akan berakhir pada 22 Jun ini.

ISNIN, 19 JUN. - Majlis-majlis keagamaan terus giat dilaksanakan di negara ini seperti Sembahyang Sunat Tarawih yang diadakan di setiap masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara di bulan Ramadan ini semata-mata untuk meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Kementerian Waqaf Republik Arab Mesir telah mendatangkan seorang imam, iaitu Fadilatus Syeikh Abdul Wahhab Al-Tantawi untuk mengimamkan Sembahyang Sunat Tarawih di beberapa buah masjid yang terpilih di negara ini.

Pada malam tersebut, Fadilatus Syeikh Abdul Wahhab Al-Tantawi mengimamkan Sembahyang

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA BERKENAN RASMIKAN MASJID HASSANAL BOLKIAH, KAMPONG MENTIRI



JUMAAT, 23 JUN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Masjid Hassanal Bolkiah, Kampong Mentiri bagi perasmian masjid diselajurkan dengan Sembahyang Fardhu Jumaat yang pertama di masjid tersebut.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel. Sejurus keberangkatan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung bagi menandatangani plak dan diiringi dengan laungan takbir sebanyak tiga kali yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.



Azan Sembahyang Fardhu Jumaat yang pertama di masjid tersebut dilaungkan oleh Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Kampong Mentiri, manakala Khutbah Jumaat pertama di masjid tersebut telah disampaikan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. Selesai khutbah disampaikan, diteruskan lagi dengan Sembahyang Fardhu Jumaat yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar. Masjid Hassanal Bolkiah, Kampong Mentiri ini dibina atas titah perintah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 10 April lalu untuk menggantikan Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampong Mentiri yang telah musnah dalam kebakaran pada 5 April 2017.

Bermula dengan penubuhan satu Jawatankuasa Khas di bawah Pejabat KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan keahliannya terdiri daripada wakil-wakil Pejabat KDYMM sendiri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pembangunan, Jabatan Peguam Negara, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Tanah, Divisyen Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Kerja Raya dan pihak konsultan.

Hasil daripada pemikiran dan cadangan yang disembaikan oleh jawatankuasa ini, maka KDYMM telah mengurniakan titah supaya Masjid Baharu RPN Kampong Mentiri dibina di atas tapak asal dengan mengambil kira akan keperluan penduduk Kampong tersebut dan kawasan persekitarannya. Setelah itu, arkitek dan konsultan telah dilantik pada 11 April 2017 dan lantikan kontraktor bagi

pembersihan tapak pada 13 April 2017 dan seterusnya melantik kontraktor bagi pembinaan masjid pada 1 Mei 2017. Dewan Sembahyang Masjid Hassanal Bolkiah, Kampong Mentiri berkeluasan 2,703.59 meter persegi bersamaan 29,101.16 kaki persegi dan boleh menampung lebih kurang seramai 3,512 orang jemaah, manakala keluasan keseluruhan kawasan masjid adalah 6,695.37 meter persegi bersamaan 71,834.28 kaki persegi yang dibina di atas tapak asal tanah kerajaan yang berkeluasan 3.6171 hektar bersamaan 8.930 ekar. Kerja-kerja pembinaan Masjid Hassanal Bolkiah, Kampong Mentiri telah bermula pada 2 Mei 2017 dan Majlis Peletakan Batu Asas telah diadakan pada 5 Mei 2017.

Projek Julangan Titah Masjid Hassanal Bolkiah, Kampong Mentiri telah siap sepenuhnya pada 19 Jun 2017 dalam tempoh 49 hari. Jawatankuasa Khas dengan kerjasama daripada pihak kontraktor dan pelbagai pihak lainnya telah berusaha secara bersepdua untuk melaksanakan hasrat Kebawa DYMM supaya Masjid Hassanal Bolkiah, Kampong Mentiri ini akan dapat digunakan bagi Sembahyang Sunat Aidilfitri 1438 Hijrah. Di antara kemudahan yang terdapat di masjid ini ialah Dewan Sembahyang Utama, Dewan Sembahyang Perempuan, Bilik Mesyuarat, Bilik Kuliah, Perpustakaan, Bilik Pengurusan Jenazah dan tempat letak kereta yang boleh menampung sehingga 519 buah kenderaan dan masjid ini juga adalah masjid yang pertama di Negara Brunei Darussalam mempunyai *lift* untuk kemudahan para jemaah naik dan turun ke Dewan Sembahyang Utama.

Dengan pembukaan Masjid Hassanal Bolkiah, Kampong Mentiri ini diharapkan akan dapat memberi keselesaan kepada para penduduk Kampong serta Jemaah yang menunaikan sembahyang fardhu lima waktu dan Sembahyang Fardhu Jumaat di kawasan tersebut. Ia juga diharapkan untuk digunakan dalam menjalankan aktiviti-aktiviti keugamaan bagi meningkatkan serta mengembangkan syiar Islam di Kampong Mentiri secara khususnya dan di Negara Brunei Darussalam secara amnya.



MAJLIS TADARUS DI KEDIAMAN TIMBALAN



SELASA, 20 JUN. - Umat Islam di seluruh dunia akan berusaha memperbanyakkan amal ibadah seperti bersedekah, bertadarus

Al-Quran dan sebagainya bagi merebut ganjaran pahala berlipat ganda di bulan Ramadan.

Bagi menyemarakkan lagi bulan yang penuh dengan keberkatan ini, Majlis Tadarus diadakan di kediaman Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud di Kampong Sungai Hanching.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang dikepalai oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, diikuti dengan bacaan Tadarus Al-Quran secara beramai-ramai. Majlis diakhiri dengan bacaan Tahlil, Doa Arwah, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. Juga hadir, para pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama serta pelajar-pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

KEMENTERIAN HAL EH WAL UGAMA ADAKAN MAJLIS PENUTUP TADARUS AL-QURAN

JUMAAT, 23 JUN. — Bulan Ramadan Al-Mubarak, bulan yang dinanti-nantikan sudah menuju ke penghujungnya. Bulan Ramadan memberi makna besar dalam perjalanan hidup seorang Muslim kerana di dalamnya ada satu malam yang paling istimewa, malam lebih baik dari seribu bulan iaitu Lailatul Qadar.

Ini kerana ia menjanjikan ganjaran pahala yang berlipat ganda kepada setiap amalan yang dilakukan dan padanya terhimpun rahmat serta keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Pintu-pintu syurga dibuka pada bulan Ramadan dan peluang-peluang mendapatkan kelebihan dan pahala yang berlipat ganda turut dibukakan seluas-luasnya kepada kita sepanjang bulan ini.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong telah menganjurkan Majlis Penutup Tadarus Al-Quran Bagi Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara bertempat di masjid Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah dan Doa



berkenaan. Hadir selaku tetamu kehormat ruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Sementara itu, bacaan Tahtim pula dibawakan oleh pegawai-pegawai Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, ahli jawatankuasa masjid dan pegawai-pegawai Hal Ehwal Masjid, KHEU dan Doa Khatam dibacakan oleh Pegawai Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Mudim Haji Abdul Latif bin Haji Saman. Majlis kemudiannya diikuti dengan Dikir Marhaban dipimpin oleh pegawai-pegawai

Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam pula dibacakan oleh Pegawai Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mat Jaya bin Haji Ibrahim.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Haji Harun bin Haji Junid dan Awang Roslan bin Haji Taja'ah; pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan dari KHEU.

AJK MASJID KAMPONG BATU MARANG ADAKAN MAJLIS KHATAM AL-QURAN



AHAD, 18 JUN. - Majlis Khatam Al Quran bagi peserta tadarus Al-Quran di sepanjang bulan Ramadan telah diungkayahkan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Batu Marang. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Roslan bin Haji Taja'ah.

Seramai 221 peserta yang menyertai majlis tadarus berkenaan, iaitu 103 lelaki dan 118 perempuan. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah beramai-ramai yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis dan diikuti dengan bacaan ayat-ayat lazim yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid / Ketua Imam Masjid Kampong Batu Marang, Awang Saiful Rizal bin Haji Abd.

Ghafar. Bacaan tahtim dan doa khatam dibacakan oleh Imam Masjid Kampong Batu Marang, Awang Muhammad Sharine Hadiman bin Sahari dan seterusnya persembahan Dikir Marhaban bagi menyerikan suasana majlis.

Kemudian diteruskan dengan penyampaian sijil dan cenderahati kepada pentasmik utama yang pernah berjasa sebelum ini, iaitu Mantan Imam, Awang Haji Ahmad bin Haji Bini dan Pengiran Haji Merali bin Pengiran Ismail. Majlis juga turut menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta dan sijil ahli jawatankuasa kerja yang diterima oleh Pengerusi Majlis Tadarus, Awang Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi.

Bacaan doa peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam telah dibacakan oleh Awang Saiful Rizal bin Haji Abd. Ghafar. Turut hadir ialah para penasihat jawatankuasa takmir Masjid Kampong Batu Marang, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Ahli-ahli Muslimah, para jemaah dan penduduk-penduduk Kampong Batu Marang.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN DI MASJID KAMPONG PANCHOR MURAI



RABU, 14 JUN. – Bagi menyemarakkan dan memeriahkan suasana Ramadan dengan bacaan Al-Quran, Ahli Takmir Masjid Kampong Panchor Murai telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bertempat di masjid berkenaan, di Mukim Pengkalan Batu.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof. Seramai 49 orang peserta lelaki dan 34 orang peserta perempuan yang terdiri daripada Ahli-Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Ahli-Ahli Majlis Perundingan Kampong serta Biro Wanita Kampong Panchor Murai menyertai Majlis Khatam Al-Quran tersebut.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah beramai-ramai yang diketuai oleh tetamu kehormat diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh peserta khatam. Juga hadir ialah Penghulu Mukim Pengkalan Batu, Awang Haji Tahir bin Haji Tarif.



**KHUTBAH KHAS SEMPENA SAMBUTAN
JUBLI EMAS KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN DAN DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
MENAIKI TAHTA**



Disampaikan oleh:

**YANG BERHORMAT PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI USTAZ HAJI
AWANG HAJI BAHARUDDIN BIN PENGARAH DATO
PADUKA HAJI AWANG OTHMAN,
MENTERI HAL EHWAL UGAMA.**

Pada:
**Hari Jumaat
06 Oktober 2017M**

Bertempat Di:
**JAME' ASR HASSANIL BOLKIAH,
KAMPONG KIARONG.**

سودارا-سودارا جماعة يغدر حمي الله

الحمد لله، سمالم، 5 اוקتوبير 2017 ، كيت مېمبوت جوبلی أمس گنف 50 تاهون کباوه سلاکو سلطان يغدفتروان نکارا بروني دارالسلام يغك-

.29

ستاكت يغدكتهوي دالم سجارة فمرينتهن براج بروني، فادك سري بکندا سلطان حاج البلقية معزالدين والدولة اداله راج بروني يغكتيگ ممرينته سمفي لييم ڤولوه تاهون. سبلومن اياله سلطان سليمان، سلطان يغكمافت ممرينته سلاما 53 تاهون دالم تاهون 1432 - 1485 . سمنتارا سلطان عبد الجليل أكبر، سلطان بروني يغكسقولوه ڤول تله مندوكي تختا فمرينتهن سلاما 61 تاهون ڦد تاهون 1598 - 1659 .

اوله ايت جوبلی أمس فمرينتهن کباوه دولي يغمها مليا فادك سري بکندا سلطان دان يغدفتروان يغ كيت رايكن سكارغ اين اداله ساغت برسجارة. اي ڦستي اكن جادي ريستاون بايك زمان برمزان مغناي گكميلاعن نکارا بروني دارالسلام دzman مودانش سماس فمرينتهن کباوه دولي يغمها مليا فادك سري بکندا سلطان حاج حسن البلقية معزالدين والدولة ابن المرحوم سلطان حاج عمر علي سيف الدين سعد الخير والدين.

دان سجارة ايت تيدق ستاكت دريستا بهکن منجادي چونتوه تولادن تنتخ چورق دان موتوكفيمقمنن فمرينتهن براج مليو إسلام يغ ساغت برکاسن دان برجاي.

ای! ای منجادی چونتوه تولادن تنفع چورق دان موتو کفیمچینن فمرینتهن براج ملايو إسلام يغ ساعه برکسن کران کفیمچینن فمرینتهن براج ایت بنز-بنز سراسی دغن بکارا بروني دان رعيت. اوله ایت ای سراسی لالو ای دثابیتکن منجادی چورق فمرینتهن براج ملايو إسلام دزمان مودرن (modern) دغن برکسن منداتلکن کبایکن باکی نکارا دان رعية.

لبيه جلس لائي کسراسيان دان کسباتيبيش اين افبيل کباوه دولي یعمها مليا ۋادك سري بىندا سلطان دان يغدقتوان سنديري مېپوتىن دەن تىتە درى سېچكھسان دالىم مجلس إستعادة مغەدۇف سەقنا سەمبۇتن جوبىي ئەمس بىندا مناعىكى تختا سەمالەم، بىندا " سلاکو راج تىدق بولە ۋەتەن ھوبۇن دەن بىغى دان نەكارا". ستروسۇن بىندا منگىكىن بىتاف بىندا تىق بىرگۈشى سجارە دەن رعىيە دان كران ايت بىندا مېپىتىكەن فەرائان جوبىي ئەمس بىندا منجادىي مىلىيەك بىرسام دانتارا بىندا سلاکو راج دان رعىيە جلاتا.

لالو بکندا برئيته: " كالو بيتا دليهت خمبيرا مك رعيه جوک اداله برقع برکمپيرا. جك بيتا برشكور مك رعيه جوک فتوت برشكور. دمكين ايت هوبوغن راج دغун رعيه تيدق اد تيمبوق قميشه دانتارا مريک، کواجيچن راج برا لاکو عادل کفدرعيه سمنتارا رعيه ۋولا دتنوت انتوق برسيمفاتي کفدراج. اينيله نامش کواجيچن تيمبل باليق انتوق كسجهتراءون سموا. راج دان رعيه سام-سام ممڭۈ أمانه بىر اين. اينلە روکن کھيدوون کيت دنكارا اين . اي تله وجود دغۇن جاياث سمنجق 600 تاهون لالو. ماريلىه کيت ۋىليهارا اي دان تروسلە مموفۇق سەھىگ زمان بېرزمان".

دەمكىن ئېڭىن چورق دان مۇتو كېيىمچىن براج برونى ملايو إسلام تورۇن تمورۇن سەھىگ كىزمان مودرن (modern) اين. دان دباوه كېيىمچىن بىكىندا يەددو كۈچ دەغۇن طاعة سەتىا سكلىن رعىة دان قىندۇدوق، برونى سەمكىن ترسىلە سېبائى نىكارا بىر قىمىرىنتەن براج ملايو إسلام يېڭى بىرىكىن.

سسوات ٿمرينتهن يغ برڪسن اياله ٿمرينتهن يغ دافت مپا توقادوکن رعية. ٿمرينتهن يغ برڪسن اياله جوگ يغ دافت مغکلکن کامانن دان ڪسلاماتن نکارا. ٿمرينتهن يغ برڪسن اياله جوگ ٿمرينتهن يغ دافت ممنوهي کفړلوان رعية دان ڦندودوچن انتوق منعمتی که هيدوچن يغ واجر دان سجهترا. دان إستيميو باڳي بروني، پر ٿمرينتهن يغ برڪسن دان پرجاي ايٽ اداله دغۇن تيدق ملوكه ڦکھن کاگماڻ.

يا! لبه انم راتوس تاهون سجك منزيميا أكام إسلام، بروني كل برقمرينهن براج يث برفندوكن أحجان أكام إسلام. سهغى كزمان مودرن (modenny) دعن فمرينتهن منوروت ۋولمبئان، أكام إسلام تله ددولتكن منجادي أكام رسمي نكارا. دان دعن داسر دان عمالن يث سنتياس منجونجوج تيڭى أكام دان شريعتن، بروني دېركاتى اوله الله دعن مەفراوليەي كىتترامن بايى نكارا دان كبهاكىاءن بايى رعىة.

کرنا ایت دالم رغکف شاعیر المرحوم سلطان عمر علی سیف الدین سعد الخیر والدین یع مشهور سجارهش سبائی اکیتیک موردن تله منوکیلکن کات-کات برحکمه یع ممسنکن تننگ کفتنيغون إسلام دالم کدو دونقون إستيمیوا بائی تروس دجاک دمی کبايکن برونى ستروشن:

"بندیرا إسلام فکاین نگریش"

كتوانكارا بىز تىاغىش

رعيه سكلرن جادي ڦاسقڙ

بها، وله ياءك قتورنـش

ستروش المرحوم سلطان عمر على سيف الدين سعد الخير والدين منكسكن بيتنا بروني منجادي نكارا يع أمان دعن بركاجان ليلا سبيمان يع

مقصودن کراجأن يغ منتاف ستابيل دغун رعيتن تنرام منچينتايي كامانن کران بروني برفندوکن حديث دان القراءان:

"نکارا بروني ليلا أمان

رعيتن تنرام ليلا بوديمان

بنتوک کراجأن ليلا سيومان

ممفوپايء اوندغ-اوندغ حديث دان فرمان"

ستروشن مغناءي کفتنيعن دان کدودوقن إستيميوا إسلام ايت باي ببني تله دتكسکن اوله کباوه دولي يعهمها مليا ۋادك سري بىندىا سلطان دان يغدېرتوان سبائى تواه بروني. دالم تىته بىندىا سمشنا هاري راي عيدالاًضحي تىك تاهون يغ لالو ۋە تاهون 1435/2014 ، بىندىا منگسکن: "بيتا ۋەچاي، اين اداله تواه بروني، بركت ايان سنتيات دكمودى دغۇن ئاكام. كىت دالم سموا أسفىق كەھيدوڤن تىدق اكن مەبلاڭى ئاكام، تىقى سباليقىن ملتىكىن ئالىيەن ھداڻن سبائى سولوه دان ۋەندوان".

سودارا-سودارا جماعة يغبرىھكىا،

سيكىف دان ۋەندىرىن يرونى منجنجوغ تىيىكى ئاكام دان شىعارىن ايت اداله بىرلەن دغۇن ئاجارن اللە دغۇن مۇھەندىقى أومە إسلام اقبىل دبىرى کدودوقن يغ نگوھ دبومى – ترماسوقلە دغۇن بىرنگارا دان بىرۇمىنىتاهن – نىچاى مويك مندىرىيکن سمبېيغ دان مەبابىر زەڭ سرت مەرىك مپورە بىربوات يغ معروف دان ملارۇ درېد مەرغاجاكن يغ منكىر. يعنى سبائىيمان دالم اية 41 سورە الحاج:

الَّذِينَ إِنْ مَكَثُوكُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا أَصْلَادَةً وَاعْتَدُوا الْزَكَوةَ وَأَمْرَوْا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلَهُ عِدْقَيْةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

سىخگوهن، دالم كونتىك س مفهوم اية اين، راج دان رعىيە برونى تله ممفوباءي کدودوقن يغ كوكوه. اللە سبحانه وتعالى تله ممبرکاتىن دغۇن ممفوباءي نکارا دان مغواسا ئى قىرىنىتاهن دباوه كېيىملىكىن راج يغ بىردولة.

اوله كرنا ايتله دسمقىيەن ملڪىنکن تەڭۈچۈجواب كاڭامان خاصن منونىيکن سمبېيغ دان مەلواركىن زەڭ، برونى ايات كرجأن يغ دېيىملىكىن اوله راج يغ بىردولة تله ۋۇن مەيكىكوت داسىر "الأمروا بالمعروف والنهى عن المنكر" ياءيت داسىر مپورە بىربوات بايىك دان منچىكە درېد بىربوات جاھت يعنى منكىر. دغۇن چارا اف؟

يا! كرجأن يغ دېيىملىكىن اوله راجن يغ بىردولة تله مرنچىغ سرت ملقسىنکن رنچاغىن- رنچاغۇن ۋەمىباغۇن نکارا يغ بىرتوچوان منجامىن كىسجهتران دان كباءيىك رعىيە دان ۋەندودوقن.

سجاوه اين سمنجق تاهون 1953 سماس ۋەمىتىهن المرحوم سلطان عمر على سيف الدين سعد الخير والدين ھەشكە سكارۇ تاهون 2017 دالم إيرا ۋەمىتىهن كباوه دولي يعهمها مليا ۋادك سري بىندىا سلطان حاج حسن البليقية معزالدىن والدولة ، سلطان دان يغدېرتوان، برونى يغ بىرۇمىتىهن براج تله ملنچىركىن سقفاوه (10) رنچاغۇن ۋەمىباغۇن نکارا (RKN) دان ستىف تاهون ۋۇل دالم تىمۇۋە ترسىبۇت سىجمەلە بىر واغ تله

دفراؤنتق肯 باي ڦرلنچاءن (bajet) تاهونن کرجاءن.

سستگوهن دالم دوا إيرا بروني مودرن دباوه كفيمقيين قادك سري بكندا سلطان دان يغدقرتونان سكارغ دان كفيمقيين قادك ايهندا بكندا المرحوم سلطان عمر علي سيف الدين سعد الخير والدين، بروني تله دباوغونكن ميلوروه سمعي ككمفوغ-كمفوغ فندالمن. دان دالم تيمقوه ايت رعية بروني ياءيت كيت سكالين دان سودارا مارا كين يغ سوده تيدق برسام دغун كيت سكارغ تله منعماتي حاصل فمباغونن يغ منسجهتران منرسوسي بيداغ فلاجرن دان فنديديقن، فروباتن دان كصيحاتن، فروماهن دان فروگريم- فروگريم سوسياـل - كمشاركتن يغ منجادي فمعكين كقد كماجوان رعية دان نكارا.

اوله ايت، سودارا-سودارا جماعة يع بربهكيا، بايغ肯 بتقا كراجأن برقمرينتهن براج يع بردوله تله منقتي توجوان برنكارا دالم معني عموم "الأمروا بالمعروف والنهى عن المنكر" ايت دغن فرنچاغن دان فرقسناءن يع جوگ منقني ليم أوجيكنيف أوتام شريعة، يعني المقاصيد الشريعة الخمسة يع مليقوتي اوسها باي كفتينيغ مملبيهارا كمورنيان عقيدة (أكام).

سودارا-سودارا جماعة يغدرحمي الله،

دمکین بروني کیت این تله دباغون، دمکین قول کیت فندودوقن تله منعمانی حاصل فمباغونن ایت. دان يغ فنتیغ ایاله نکارا کیت دبرکاتی الله دغн آمان دامی. راج دان رعیة سهانی سهالوان. سموان رحمت الله کفڈ بروني دباوه کفیمینن فمرینتهن براج يغ سراسی دان دسباتیکن منجادی نکارا دان کراجأن بروني دزمان مودارنن (modennya) سکارغ اداله نکارا دان کراجأن يغ برجای دان برکسن.

لالو باکیمان بروني دماس اکن هدافن. باکیمان ماس هدافن برومی؟

دالم جعکا قىينديق كيت تله سدىاكن واواسن نكارا 2035، يغ سكارغ رنچق كيت اوسهاكن منچاقيش. ايت اكن دليهت ۋەچاھىفىن تىدق سمىي 20 تاهون لائى. دمان كيت تله منتكمىتكىن تىك واواسن ياءيت رعية يغ برقندىدىقىن، بركماھىرەن تىغىكى دان برجاي، كەھيدوۋەن رعية يغ بركولىتى تىغىكى دان ايكونومى يغ دينىميق دان بردايى تاهن.

کیرا-کیرا دوا ۋۇلۇھ تاھون ایت سېھاڭىن درىد كىت يىغىرۇمۇر 55 تاھون كاتس دىجىخا سودە تىدق اكىن بىرسام انق چوچۇش. تىقى انق-انق مىرىك دان بېھكىن چوچۇ-چوچۇ مىرىك سېھاڭىنى سودە ۋۇل بىركوارك دان مەمۇپايدى انق-انق كچىل دان انق-انق مەدا رماج. انق-انق كچىل دان انق-انق مەدا رماج ايتىلە مروۋاڭىن بىلاغان تېرىسىر قىندۇدوق بىرونى يىغى داڭغىرلىك دالىم تاھون 2017 سكاراغ اد سرامى ھەمپىر امېت راتوس تىك ۋولۇھ رېبىو (428,697 anggaran) جادى سېھاڭىن بىس درىي جملە ايتىلە كیرا-کیرا اكىن مروۋاڭىن رعىيە يىغى بىرۋىدىيەن، بىركماھىرەن تىغىي دان بىرجايى، مىرىكىلە رعىيە بىرونى يىغى بىرگۈلىتى تىغىي كەھىدۇقۇنى دان مىرىكىلە ئەمكىن يىغى منعىمت حاصل اىيكونومى نىڭاران يىغى دىنەمېق دان بىردايا تاھن. سموا ایت تەلە دواواسنەن انتوق تىك ۋولۇھ تاھون بىرمۇلا ۋ تاھون 2007.

ساتو فرکارا يغ قنتيغ دايغت، دالم بروواسن سدمكين ايت، اتو دالم سبوبتن دالم بوكو ۋەنچاغۇن كىماجوان جىڭقا فنچۇغ نىكارا برونى دارالسلام (terbitan pada 2007) بېھوا كاره منچاقي واوسن ايت، كىت چىڭ تله مىنلىقكىن بېھوا كىت بىرساتو دالم تىڭ فرکارا اوتمام ياءعيت (z) كىستياءن كەد

سلطان دان نگارا، (ii) کيقيين ترهادف نيلالي-نيلالي إسلام دان (iii) مهرمونيان شوسياں دان عمالن تريسي برباءيك-باءيك.

يا! ايتله تيک ڦڪارا اوتم يغ ميت سكارغ مسٽي سالالو معيشت، دان مرٽيك اينله چوجو کيت يغ اكن داتخ واحب برڦڪع بهوا اف ڦون چورق کماجوان يغ اكن دچائي اوله نگارا دان اوله مرٽيك سلاکو رعيه ڦد ماس اكن داتخ، ڦد دوا ڦولوه – تيک ڦولوه تاهون دان سلفس ايت سمٽي ليم ڦولوه تاهون ماس هدافن يغ فنجع، بروني دان رعيشن مستيله بروني دان رعيشن برڦڪع دالم تيک ڦڪارا ايت، يعني کستياءن کڦد سلطان دان نگارا، کيقيين ترهادف نيلالي-نيلالي إسلام دان کهرمونيان شوسياں دان عمالن برباءيك-باءيك – يغ کسمواش اين اداله چورق دان اچوان بروني تورون-تمورون سجك لبه انم راتوس تاهون برڦميئتهن براج ملابو إسلام يغ ڦد زمان مودرن (moden) اين تله بربوقتي منجادي بروني دان رعيشن منعماتي کامان دان کتترامن سمبيل برکهيدوڻن يغ سجهترا، واجر دان سمفنا، ممنوهي کفتنيغ دنيا دان اخيرة، بوکن سهاج اننوق ممنوهي اوکورن ڦنجفاین کماجوان ميلينيوم ستندرد انتارابغسا.

تيک ڦڪارا ايت دافت دصفتكن مروفاكن روکون کهيدوڻن کيت دنگارا اين، يغ منوروت کباوه دولي یعمها مليا ڦادک سري بکندا سلطان دان يغدڙتوان دالم تيه دري سڀڪهسان سمالم (5 Oktober 2017)، روکون يغ " تله ڦون وجود دفن جايان سمنجق دري 600 تاهون لالو. ماريله کيت ڦليهارا اي دان تروسله مموڻو ڦنجهڻ زمان بزمان ".

دان اين سسغکوهن سلارس دان ماله تفت دغٽن تقدير الله سبحانه وتعالى تله ممبرکاتي راج دان رعية بروني برکدوڏوڻن کوکوه دغٽن ممفوياءي نگارا دان ڦميئتهن براج يغ بردولت، يغ کرنا ايت راج دان رعية اكن ملڪسانکن تڳوڻجواب کامان دان کنگاراءن يغ سچارا عمومن دالم ليغکوڻن "الأُمُرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَا عَنِ الْمُنْكَرِ". ڦميئتهن يغ مپرو کباءيکن دان منچڪه کمنکران. کباءيکن ممبوا رحمت الله سمنتارا کمنکران اكن براوجوڻ دغٽن لعنة الله:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
الَّذِينَ إِنْ مَكَثُوكُمْ فِي الْأَرْضِ أَقْامُوا آثَارَهُ وَعَاثُوا الْأَرْكَوَةَ وَأَمْرَوْا بِالْمُعْرُوفِ وَنَهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلَهُ عَلِيقَةُ الْأُمُرُورِ ﴿٤١﴾

صدق الله العظيم

بارك الله لنا في القراءان العظيم، ونفعنا بالأيات والحكيم، وتقبل منا تلاوته إنه هو السميع العليم، وأستغفر لله العظيم لى ولكل ولسائر المسلمين والمسلمات والمؤمنين والمؤمنات فاستغفروه فيما فوز المستغفرين ويا نجاة التاءبين.

PAHLAWAN-PAHLAWAN ISLAM

MUHAMMAD AL-FATIH

BIOGRAPI

MUHAMMAD AL-FATIH YANG JUGA DIKENALI DENGAN MUHAMMAD II YANG BERERTI “PEMBUKA YANG BESAR” DILAHIRKAN PADA 29 MAC 1432 DI EDIRNE DAN MENINGGAL PADA 3 MEI 1481 DI HÜNKÂRCAYIRI, BERDEKATAN GEBZE PADA USIA 49 TAHUN. IA ADALAH PUTRA DARI SULTAN MURAD II YANG MERUPAKAN RAJA KEENAM DAULAH UTHMANIYYAH.

BAGINDA ADALAH ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB DALAM PENAKLUKAN KONSTANTINOPEL. BAGINDA MENAKLUK KONSTANTINOPEL PADA USIA 21 TAHUN. BAGINDA JUGA BERTANGGUNGJAWAB KEPADA KEHANCURAN KERJAAN BYZANTINE.

PENGUASA UTHMANIYYAH

MUHAMMAD AL-FATIH DIANGKAT MENJADI SULTAN UTHMANIYYAH PADA 5 MUHARRAM 855H BERSAMAAN 7 FEBRUARI 1451M. MATLAMAT UTAMA SETELAH MENJADI SULTAN ADALAH UNTUK MENAKLUKI KONSTANTINOPEL. LANGKAH PERTAMA BAGINDA LAKUKAN ADALAH MENGUKUHKAN STRATEGIK PERTAHANAN DAN POLITIK DIANTARA NEGARA-NEGARA SEKUTU DAN JIRAN DENGAN MEMPERBAHARUI PERJANJIAN DAN PERSEPAKATAN.INI DILAKUKAN UNTUK MELEMAHKAN PENGARUH KERAJAAN BYZANTINE DAN UNTUK MEMUDAHKAN PENAKLUKAN KONSTANTINOPEL.

PENAKLUKAN KONSTANTINOPEL

SETELAH SULTAN MUHAMMAD AL-FATEH MENAIKI TAHTA SEKALI LAGI PADA TAHUN 1451, BAGINDA MENERUSKAN USAHANYA UNTUK MENAKLUKI KONSTANTINOPEL. BAGINDA MENGAMBIL MASA DALAM 2 TAHUN UNTUK MEMIKIRKAN PELAN DAN RENCANA DENGAN MENELITI TITIK LEMAH DAN STRATEGI PERTAHANAN KONSTATINOPEL.

PADA TAHUN 1453, BAGINDA MEMULAKAN PENAKLUKAN KOTA KONSTANTINOPEL DENGAN MEMBAWA TENTERA YANG DIANGGARKAN 80,000 KE 200,000 ORANG MENGGUNAKAN KERETA API ARTELIRI DAN 320 KAPAL TENTERA LAUT. KUMPULAN TENTERA MEMASUKI KONSTANTINOPEL MELALUI PINTU MASUK BOSPHORUS. PADA AWAL BULAN APRIL, BEMULALAH PENGEPUNGAN KOTA KONSTANTINOPEL. PENGEPUNGAN BERLANGSUNG SELAMA 57 HARI DAN AKHIRNYA KOTA KONSTANTINOPEL BERJAYA DITAKLUKI OLEH BAGINDA.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA BERKENAN BERANGKAT MENUNAIKAN SEMBAHYANG SUNAT HARI RAYA AIDILFITRI



27 JUN – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, semalam berkenan berangkat bersama bagi menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di Masjid Jame' Asr Hassani Bolkiah, Kiulap.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Tahun 1438H.

Turut menjunjung keberangkatan Baginda ialah Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud. Berangkat sama, paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Di majlis itu, Khutbah Hari Raya Aidilfitri telah dibacakan oleh Mufti Kerajaan yang telah menyentuh mengenai zikir yang mana orang-orang Islam yang selalu berzikir merupakan orang-orang yang beriman dan juga jangan lalai menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan meninggalkan zikir dan solat atas sebab sibuk berhari raya mengunjungi sanak saudara. Sementara itu dalam khutbah tersebut, Yang Berhormat Pehin juga menyentuh mengenai sembahyang yang mana ia bukan sahaja perisai atau kubu keselamatan bagi siapa yang melakukannya, malahan juga penyeri wajah yang sangat ampuh.



Kemudian, Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri telah diimamkan oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif/Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Sebelum berangkat balik, Baginda bersama paduka-paduka anakanda Baginda berkenan menerima junjung ziarah dan bersalaman bersama jemaah yang sama-sama menuaikan sembahyang yang terdiri daripada rakyat dan penduduk di negara ini. Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri diadakan di masjid-masjid utama, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara bermula jam 7.30 pagi.

TAKBIR RAYA MERIAHKAN 1 SYAWAL



AHAD, 25 JUN. - Bahang kemeriahannya tiba-tiba 1 Syawal dapat dirasakan dengan laungan takbir raya di seluruh masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat di negara ini bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri. Acara melaungkan takbir raya di negara ini bukanlah suatu yang baharu, malahan telah pun diperaktikkan sejak sekian lamanya dan ia merupakan satu syiar dalam usaha melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, di samping memberikan kesedaran kepada kita untuk mengamalkan suruhan Allah Ta'ala dan menjauhi larangan-Nya. Pada malam ini, takbir raya sempena Hari Raya Aidilfitri bagi Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi juga dilaungkan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong. Ia dimulakan selepas Sembahyang Fardhu Isyak dan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan laungan takbir. Dengan adanya majlis tersebut akan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim serta mendekatkan diri para penduduk sekitar dengan masjid dan seterusnya mencintai masjid.

BELIA MASJID PENERUS USAHA TAKMIR

SELASA, 25 JULAI. - Masjid Kampong Batu Marang mengadakan Majlis Muzakarah serta Taklimat Belia dan Beliawanis yang berlangsung di masjid berkenaan, semalam. Hadir ialah Pegawai Hal Ehwal Masjid / Ketua Imam, Awang Saiful Rizal bin Haji Abd. Ghafar, selaku Pengurus Jawatankuasa Takmir juga Imam Masjid, Awang Md. Sharine Hadiman bin Sahari, selaku Setiausaha Takmir; Ahli Jawatankuasa Eksekutif dan Ahli Jawatankuasa Takmir serta para belia dan beliawanis. Dalam ucapan alu-aluan Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Saiful Rizal, antara lain beliau mengucapkan ribuan terima kasih atas usaha membentuk kumpulan belia dan beliawanis serta merakamkan ucapan tahniah kepada mereka yang telah mendaftarkan diri menjadi belia juga beliawanis masjid. Melalui penubuhan kumpulan tersebut tambahnya, para belia serta beliawanis akan dapat sama-sama membantu para jawatankuasa takmir dan berkeyakinan bahawa para belia juga beliawanis yang ada tersebut akan meneruskan usaha takmir pada masa depan. Sesi taklimat disampaikan oleh Awang Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi dan Surah Al Asr dibacakan oleh imam masjid sebagai tanda, majlis ditutup.



MASJID RIPAHS ERATKAN SILATURAHIM MENERUSI SAMBUTAN AIDILFITRI



JUMAAT, 28 JULAI. - Meskipun Syawal sudah berlalu namun masih ada pihak yang meraikannya untuk terus mengeratkan ikatan silaturahim. Sehubungan itu, gabungan Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid; Muslimah Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAHS) dan Majlis Perundingan Kampong (MPK) Rimba Gadong juga mengadakan Majlis Ramah Mesra Sambutan Hari Raya Aidilfitri Bagi Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi, berlangsung di Masjid RIPAHS.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali. Sementara itu, Ketua Imam Masjid RIPAHS, Awang Haji Md. Daud bin Haji Abdul Kadir dalam ucapannya menjelaskan, majlis tersebut bertujuan untuk memeriahkan Aidilfitri serta mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan semua, di samping memupuk semangat bersatu padu dan kerjasama dalam kalangan semua pihak. Selain itu, katanya, ia juga sebagai melahirkan rasa syukur di atas\ kejayaan Tenaga Pembimbang Kumpulan Muslimah masjid berkenaan, Dayang Hajah Siti Noor Dzuhairah binti Awang Haji Damit yang telah menjadi naib johan qariah pada Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa telah diadakan di Kuala Lumpur Malaysia pada tahun ini. Majlis juga diselanjurkan dengan penyampaian derma kepada 31 anak yatim yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis dan juga penyampaian cenderahati kepada para peserta Tadarus Al-Quran masjid berkenaan sepanjang bulan Ramadan yang lalu.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN 71 KALI SEMPENA HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA YANG KE-71



KHAMIS, 3 OGOS. - Majlis Khatam Al-Quran 71 Kali Kementerian Hal Ehwal Ugama merupakan pesambah istimewa untuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-71 Tahun, 2017. Pembacaan 30 juz itu disertai seramai 2,130 warga KHEU, iaitu 1,380 peserta lelaki dan 750 perempuan. Ini juga termasuk penyertaan daripada para pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Majlis berlangsung di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman. Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof, pegawai-pejawai kanan serta para pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin diikuti dengan pembacaan ayat Al-Quran bermula dari Surah Ad-Dhuha hingga An-Nas daripada para peserta khatam. Disusuli dengan bacaan Takhtim daripada para pegawai Jabatan Pengajian Islam (JPI) dan diteruskan dengan bacaan Doa Khatam yang dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Mudim Haji Suhaili bin Haji Kalong. Majlis diserikan lagi dengan Persembahan Dikir Marhaban daripada pegawai-pejawai JPI. Majlis diselajurkan dengan Doa Selamat bakal jemaah haji bagi 48 warga KHEU yang dibacakan oleh Pemangku Pegawai Ugama Kanan di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Awang Haji Haris bin Suboh.

MAJLIS KEUGAMAAN SEMPENA SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN



ISNIN, 31 JULAI. - Golongan belia adalah merupakan harta yang paling berharga terhadap sebuah negara di mana golongan tersebut merupakan generasi penerus sebuah bangsa. Pada tahun ini, Sambutan Hari Belia Kebangsaan merupakan sambutan kali ke-12 dengan tema 'Belia Berdaya Usaha dan Berinovasi Menjayakan Wawasan Negara'.

Bersempena dengan sambutan tersebut, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah mengadakan Majlis Sembahyang Fardhu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Bacaan Surah Yasin, Bertahlil serta Doa Kesukuran bertempat di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Kampong Mulaut. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sembahyang Fardhu Maghrib dan Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Abdul Ghani, diikuti dengan bacaan Surah Yasin dan Tahlil yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Khairol Nizam bin Haji Mohd Said. Manakala bacaan Doa Kesukuran dibacakan oleh Awang Haji Abdul Aziz. Sembahyang Fardhu Isyak Berjemaah seterusnya diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Asbinin bin Haji Zainal.

Turut hadir ialah Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Mohd. Noor Jusmin Haji Abdul Samad serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan. Majlis juga turut disertai Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Takmir Masjid berkenaan; penuntut-penuntut Pusat Tingkatan Enam Sengkurong; Alumni Program Khidmat Bakti Negara; Alumni Program Belia Cinta Tanah Air; Alumni Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun; Persatuan-Persatuan Belia; para penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah; rekrut-rekrut Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Pasukan Bomba dan Penyelamat, Warder; Ahli-ahli Kelab Pusat Belia; Ahli Badan Sukarelawan Belia Da'ie Pusat Da'wah Islamiah; peserta-peserta Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1438H / 2017M serta penduduk sekitar Kampong Mulaut.

MAJLIS KESYUKURAN SEMBAHYANG FARDHU MAGHRIB DAN ISYAK BERJEMAAH, MEMBACA SURAH YASIN, TAHLIL DAN DOA KESYUKURAN SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN BAGINDA KE-71 TAHUN



JUMAAT, 14 JULAI. - Alhamdulillah, selaku rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi Darussalam ini amat bertuah dan bersyukur kerana dikurniakan seorang raja berwibawa lagi dikasihi dan tahun ini meraikan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-71 Tahun. Segenap lapisan umat Islam memohon doa kesyukuran ke hadrat Allah dan merafakkan sembah kedaulatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar senantiasa terus memimpin negara di bawah petunjuk Allah.

KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berangkat menyertai ribuan jemaah di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong bagi Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardhu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yasin, Tahlil dan Doa Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda tahun ini.

Keberangkatan KDYMM dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, selaku Penasihat Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan KDYMM Ke-71 Tahun; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman; dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan.





Berangkat sama paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel. Sejurus Azan Fardhu Maghrib berkumandang, majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Maghrib dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal. Majlis kemudiannya diikuti dengan membaca Surah Yasin dan Tahlil dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Sementara itu, Doa Kesyukuran dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. Selepas itu, Sembahyang Fardhu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin. Majlis Kesyukuran itu juga diadakan serentak di masjid-masjid utama seluruh negara ini iaitu di Daerah Brunei dan Muara Masjid Omar 'Ali Saifuddien; Masjid Hassanal Bolkiah, Kampong Mentiri; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampong Jerudong; Masjid Mohamed Bolkiah, Kampong Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampong Sungai Kebun; Masjid Setia Ali Pekan Muara dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan. Sementara bagi Daerah Tutong, Belait dan Temburong pula tertumpu di masjid utama di setiap daerah masing-masing.

MAJLIS KESYUKURAN SEMBAHYANG FARDHU MAGHRIB DAN ISYAK BERJEMAAH, MEMBACA SURAH YASIN, TAHLIL DAN DOA KESYUKURAN SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN BAGINDA KE-71 TAHUN

DAERAH TUTONG

JUMAAT, 14 JULAI. - Rakyat di negara ini sememangnya berasa bertuah kerana mempunyai pemimpin dan raja berdaulat, berwibawa, berjiwa rakyat serta prihatin. Sehubungan itu, masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat dipenuhi oleh pelbagai lapisan masyarakat Islam bagi sama-sama memanjatkan doa dan syukur sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun.

Bagi Daerah Tutong, tumpuan utama Majlis Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yasin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan berlangsung di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong. Hadir pada majlis tersebut ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan bagi Daerah Tutong. Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah dan Sunat Hajat yang diimamkan oleh Awang Sahibol Omar bin Haji Yusof diikuti dengan bacaan Surah Yasin beramai-ramai yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Hassanal Bolkiah, Awang Mohammad Fauzi bin Haji Anuar. Majlis diakhiri dengan Doa Kesyukuran dibacakan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Hassan bin Amat. Juga hadir Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan pegawai-pegawai kanan kerajaan serta penduduk daerah ini.

DAERAH TEMBURONG

JUMAAT, 14 JULAI. - Di Daerah Temburong, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar menjadi tumpuan Majlis Kesyukuran, Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yasin, Tahlil dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Antara yang hadir menyertai para jemaah ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu; Pemangku Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohd. Azmi bin Haji Suhaili; ketua-ketua cawangan, para penghulu mukim dan Ketua Kampong serta penduduk setempat.

Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah dan Sembahyang Sunat Hajat telah diimamkan oleh Imam Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar, Awang Haji Yussof bin Haji Ahad. Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Yasin yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid yang juga imam masjid berkenaan, Awang Haji Shafrillah bin Haji Ahmad. Doa Kesyukuran pula dibacakan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Haji Jamil bin Haji Gani. Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardhu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Awang Haji Shafrillah bin Haji Ahmad.

DAERAH BELAIT

JUMAAT, 14 JULAI. - Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait menjadi tumpuan utama Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardhu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yasin dan Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan KDYMM bagi Daerah Belait. Sembahyang Fardhu Maghrib dan Isyak diimamkan Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Awang Akup bin Haji Lamat. Doa Kesyukuran dibacakan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu.

Turut hadir, Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan KDYMM bagi Daerah Belait, ketua-ketua jabatan dan cawangan daerah, pengetua-pengetua maktab dan sekolah menengah kerajaan dan bukan kerajaan, guru-guru besar sekolah rendah kerajaan dan bukan kerajaan Daerah Belait, Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampong, pegawai dan kakitangan Jabatan Kerajaan Daerah Belait, pegawai dan kakitangan syarikat-syarikat swasta serta Ahli Takmir Masjid Muhammad Jamalul Alam.



MASJID HASSANAL BOLKIAH, PEKAN TUTONG



MASJID UTAMA MOHAMMAD SALLEH, PEKAN BANGAR



MASJID MUHAMMAD JAMALUL ALAM, KUALA BELAIT

LAUNGAN TAKBIR SEMARAKKAN MALAM RAYA AIDILADHA



JUMAAT, 1 SEPTEMBER. — Seluruh masjid, surau dan balai ibadat di negara ini melaungkan takbir raya Aidiladha sejurus sempurnanya menunaikan Sembahyang Fardhu Maghrib dalam menyemarakkan sambutan yang juga dikenali sebagai Hari Raya Korban sebelum Sembahyang Sunat Aidiladha didirikan pada hari berikutnya.

Sehubungan itu, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong menjadi tumpuan bagi Majlis Takbir sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1438 Hijrah. Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman. Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid; Timbalan Setiausaha tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (Bahagian Pentadbiran dan Kewangan) Awang Roslan bin Haji Taja'ah serta para pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama diikuti dengan tazkirah bertajuk 'Kelebihan Takbir' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama Kanan di Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abdussalam bin Haji Abd. Rahman.

Kelebihan mereka yang bertakbir katanya akan diberikan ganjaran kebaikan dan dihapuskan kejahatan. Beliau juga menerangkan antara hadis yang menceritakan tentang menghidupkan malam Hari Raya seperti yang diriwayatkan oleh Imam Tabrani Radiallahuanhu yang bermaksud : Barangsiapa menghayati malam Hari Raya Aidilfitri dan malam Hari Raya Aidiladha dengan amal ibadah, sedang dia mengharapkan keredaan Allah semata-mata, hatinya tidak akan mati seperti hati orang-orang kafir.

Gema takbir dilaungkan dari gabungan Kementerian Pertahanan, Mahasiswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); Jabatan Pengajian Islam (JPI); Penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB); Murid-murid Sekolah Ugama Brunei III; Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah dan Kumpulan Belia-Belia Masjid Daerah Brunei Muara.

Sementara itu, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz. Turut memeriahkan lagi Majlis Takbir tersebut ialah anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Jabatan Bomba dan Penyelamat; Jabatan Penjara; Persatuan-persatuan NGO; KUPU SB; Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); ITQSHHB dan belia-belia masjid serta penduduk sekitarnya.

Majlis Takbir sempena Hari Raya Aidiladha diadakan bagi menghidupkan malam Hari Raya Aidiladha yang jatuh pada 10 Zulhijjah 1438 Hijrah, di samping menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar melahirkan belia yang bertakwa serta memberikan kesedaran kepada belia dalam menghayati makna kandungan takbir hari raya. Dengan adanya majlis ini juga, diharap dapat memupuk semangat belia dalam hidup berkumpulan dan mengeratkan silaturahim dengan mendekatkan diri serta mencintai masjid dalam menjadikan belia harapan agama bangsa juga negara.

TABUNG DANA PEMBINAAN MASJID KUMPUL LEBIH BND6 JUTA



Jumaat, 8 September.- Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam telah mengumpulkan sebanyak BND6,438,587.67 sejak ia ditubuhkan pada 4 Jun 2015. Kutipan tersebut adalah hasil daripada beberapa mekanisme kutipan di antaranya melalui penyediaan tabung-tabung dana di masjid-masjid seluruh negara dan bangunan-bangunan tertentu, pemotongan gaji bagi pegawai dan kakitangan kerajaan dan GLC, perkhidmatan SMS, melalui bank BIBD dan TAIB seperti Standing Order Contributions, Direct Walk In Contributions dan sebagainya.

Perkara itu diumumkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang

Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof mengumumkan perkara itu semasa sidang media di Bilik Mawar, Bangunan KHEU. Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz juga menjelaskan, pelaksanaan pemotongan gaji sebanyak BND2 secara automatic bagi warga Perkhidmatan Awam termasuk mereka yang berkhidmat di luar negeri yang bermula sejak bulan Jun lalu berjalan dengan baik.

Katanya, walaupun pemotongan gaji tersebut bukannya mandatori akan tetapi respons yang diterima daripada penjawat awam adalah sangat menggalakkan, iaitu dianggarkan lebih 50 ribu orang penjawat awam telah membuat sumbangan ke Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam. Tambahnya, pemotongan gaji tersebut tidak termasuk bagi individu perseorangan manakala bagi pekerja swasta, mereka boleh membuat pemotongan gaji melalui kewangan pejabat masing-masing. Sementara bagi mereka yang bukan berugama Islam yang berhasrat untuk menyertainya adalah dibolehkan dan tiada menjadi kesalahan mengenainya. Wang tabung dana itu jelasnya, hanya digunakan untuk membina masjid-masjid di negara ini sahaja serta lain-lain keperluan yang berkaitan dengannya termasuk menambah, membaik pulih, mengubah suai, membina semula atau memelihara mana-mana masjid yang sedia ada atau mana-mana bahagian daripadanya.

48 BELIA DAN BELIAWANIS SERTAI BENGKEL MEMAKMURKAN MASJID

Sabtu, 9 September. – Bengkel Memakmurkan Masjid bermatlamat untuk meningkatkan motivasi diri dan membuka minda agar menjadi seorang Muslim dan Muslimah yang berjaya di dalam mengharungi kehidupan.

Bengkel dua hari tersebut yang disertai oleh 48 belia dan beliawanis merupakan anjuran Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Belia Masjid Kampong Tanah Jambu.

Perasmian bengkel tersebut disempurnakan oleh Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Suhaimi bin Haji Mohd. Noor yang diselajurkan dengan perasmian Perpustakaan Masjid berkenaan yang berperanan untuk membantu menjayakan program-program yang diadakan di masjid, iaitu memupuk budaya suka membaca dan memperluas sumber-sumber pengetahuan Islam sekali gus membimbing anak didik



dan efisien terutama dalam menelusuri bahan pustaka yang diinginkan.

Perpustakaan tersebut menyediakan pelbagai bahan bacaan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan, keterampilan serta akhlak yang menunjang program pendidikan Islam umumnya dan pendidikan masjid khususnya.

Antara atur cara yang dimuatkan sepanjang bengkel ialah Sembahyang Fardhu Berjemaah pada setiap waktu, ceramah motivasi yang disampaikan oleh Imam Masjid, Pengiran Haji Rusman bin Pengiran Haji Shahbudin dan beberapa aktiviti yang diadakan di Perpustakaan Masjid. Bengkel sedikit sebanyak diharap dapat meningkatkan pengetahuan para peserta mengenai Islam dan memupuk jati diri bagi agar menjadi Muslim dan Muslimah yang berdedikasi.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA BERANGKAT MENUNAIKAN SEMBAHYANG SUNAT AIDILADHA



SABTU, 2 SEPTEMBER. - Pujian takbir, tasbih dan tahmid bergema lagi di bumi Darussalam tanda syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kurniaan-Nya, kita menyambut Hari Raya Aidiladha 1438 Hijrah tahun ini dalam suasana aman dan sentosa. Walaupun Sambutan Hari Raya Aidiladha agak berbeza sedikit daripada Aidilfitri namun apa yang penting kita menghayati manfaat daripada kenikmatan kedua-dua perayaan itu dalam meningkatkan lagi keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah Yang Maha Esa. Selain keamanan yang kita kecapi, kita juga bersyukur di negara ini dikurniakan seorang pemimpin yang sentiasa dekat di hati rakyat dan penduduk termasuk berangkat menyertai para jemaah di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong bagi menuaikan Sembahyang Sunat Aidiladha bersama-sama.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Berangkat sama, putera-putera Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel. Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha Berjemaah diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Diikuti dengan Khutbah Sunat Hari Raya Aidiladha yang dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned yang antara lain menerangkan mengenai peristiwa korban seperti yang tercatat dalam sejarah Islam, iaitu Nabi Ibrahim Alaihissalam dan anaknya Nabi Ismail Alaihissalam jelas mengandungi pengajaran-pengajaran yang begitu penting dan mustahak.



Yang Berhormat menjelaskan, antara pengajaran itu ialah perkara yang berkaitan pendidikan, iaitu semasa peristiwa itu terjadi Nabi Ismail ketika itu masih dalam umur lingkungan kanak-kanak tetapi kualitinya seperti orang dewasa, akidahnya mantap, akhlaknya hebat, kefahamannya amat luas lagi mendalam, sehingga benar-benar dia faham erti beragama, erti taat kepada Allah dan kepada ibu bapa. Perkara itu katanya, adalah daripada asuhan dan pendidikan ibu bapalah yang mencorakkan Nabi Ismail menjadi anak yang soleh yang taat kepada Allah dan ibu bapa yang merupakan wadah pertama bagi sekolah yang mesti dilalui kanak-kanak untuk mendapat pendidikan terlebih dahulu, bukan sekolah berupa bangunan tetapi sekolah berupa lembaga hidup yang namanya 'ibu bapa'. "Demikian itulah kelebihan yang dikurniakan oleh Allah kepada para ibu bapa, kelebihan berupa kuasa, mandate dan amanah untuk mencorakkan anak-anak menjadi anak yang soleh yang beragama ataupun sebaliknya," tegasnya lagi.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, pengajaran kedua, iaitu perangai syaitan dengan pelbagai langkah atau taktik, iaitu mengagut, mencuba dan kacau daun dan itu dinamakan Khutuwat asy-syaithan yang disebut oleh Allah dalam Al-Quran yang bermaksud jejak langkah atau taktik-taktik syaitan. "Kita, apabila melakukan amal soleh, syaitan pasti tidak senang dengan kita. Dia pasti mencari jalan untuk memperdaya kita, supaya kita menukar sentimen suka terhadap amal soleh itu kepada membencinya.

Syaitan, apabila melihat orang sembahyang, dia pasti rimas dan marah, dan pasti akan berusaha mencari jalan untuk memalingkan orang itu daripada sembahyang kepada tidak sembahyang, atau sekurang-kurangnya dia akan memperdaya orang tersebut dengan bisikan-bisikan halus yang beracun," tambahnya.



AKTIVITI VARIASI MASJID TARIK MINAT MASYARAKAT

AHAD, 10 SEPTEMBER. - Aktiviti yang diselenggarakan oleh Jawatankuasa Takmir Masjid diharap akan dapat dipelbagai dan divariasikan agar program itu lebih menarik pada masa akan datang.

Selain itu juga, ia mampu menarik minat semua peringkat masyarakat termasuk golongan muda, tua serta Muslimin dan Muslimat. Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri menyarankan perkara itu pada Majlis Penutup Bengkel Memakmurkan Masjid Belia-Beliawanis dan Kanak-Kanak di Masjid Kampong Tanah Jambu.

Awang Haji Amir Hisham berharap bengkel yang dianjurkan itu akan dapat menggalakkan lagi para belia dan beliawanis untuk mendampingi dan memakmurkan masjid. Selain itu, tambahnya, para peserta bengkel akan



dapat berkongsi bersama rakan-rakan lain menerusi pengalaman, ilmu pengetahuan serta pengajaran berguna lagi bermanfaat yang diperolehi di sepanjang bengkel itu diadakan. Beliau juga menaruh kepercayaan, para belia itu sendiri akan mengajak rakan-rakan mereka untuk sama-sama hadir ke masjid.

Ketua Imam masjid berkenaan, Pengiran Haji Rusman bin Pengiran Haji Shahbudin yang juga selaku Pengurus Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid semasa ditemui sangat berterima kasih atas kejayaan bengkel secara kolaborasi bersama Jabatan Hal Ehwal Masjid yang diadakan buat julung kalinya.

Katanya, sebahagian para peserta menimba ilmu baharu serta sebilangan mereka mengikuti Qiyamullail dan mereka juga hendak menyertai bengkel berkebajikan seumpama itu. Pada majlis tersebut, tetamu kehormat juga menyampaikan sijil kepada 38 peserta bengkel. Pihak AJK Takmir masjid itu juga akan mengadakan Bengkel Menghalusi Azan, sementara AJK Belia Masjid pula akan mengadakan aktiviti Minal Masjid Ilal Masjid pada bulan Disember nanti.

PENDEKATAN KREATIF BELIA MASJID MENYERLAH



AHAD, 17 SEPTEMBER. - Pergerakan belia masjid begitu menyerlah dengan pelbagai bentuk program dan pendekatan kreatif sejak kebelakangan ini yang juga merupakan satu perkembangan yang positif. Kelebihan belia dari sudut tenaga, buah fikiran, kreativiti, semangat hendaklah dimanfaatkan dan disokong dengan apa jua bentuk sama ada dari segi kewangan, sokongan moral, kursus motivasi, fasiliti dan sebagainya. Di samping itu juga, pihak berkenaan hendaklah sentiasa menghalakan dan memberi tunjuk ajar kepada pergerakan belia agar ia selari dengan konsep Negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Perkara itu dinyatakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato

Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof pada Muzakarah Belia Masjid Senegara yang berlangsung di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong. Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz mengimbas sejarah kegemilangan tamadun Islam di mana belia atau pemuda dengan masjid merupakan antara faktor terbesar menyumbang ke arah pembentukan insan yang holistik terutama dari sudut akhlak, intelek dan menjadikan Islam sebagai cara hidup yang lengkap. "Cabaran kita mutakhir ini adalah bagaimana untuk menjadikan masjid sebagai sebuah tempat yang tidak asing bagi setiap lapisan masyarakat," tegasnya.

Dato Seri Setia seterusnya menyeru kepada para mahasiswa dan graduan dalam dan luar negara untuk menjinak-jinakkan diri dengan aktiviti kesukarelawan belia masjid bahkan juga menjadi pimpinan belia masjid kerana kelebihan ilmu dalam sama-sama membantu belia lain.

"Selain mengimarahkan masjid dengan aktiviti-aktiviti bersempena hari kebesaran Islam, perlu difikirkan dan dirancang agar masjid itu menjadi pusat pendidikan

informal bagi anak bangsa kita," tambahnya. Lebih kurang 100 belia masjid daripada tujuh buah masjid menyertai muzakarah anjuran Belia Masjid Kampong Sengkurong, iaitu Kumpulan Syababul Iman. Muzakarah sehari itu mengetengahkan sebanyak enam tajuk untuk diperbincangkan menerusi kertas kerja para fasilitator jemputan. Program berkebajikan seumpamanya dihasrat dapat melahirkan generasi Rabbani yang beramalkan Al-Quran dan Sunnah.



1,500 SERTAI TADARUS AL-QURAN JUBLI EMAS



RABU, 27 SEPTEMBER. – Majlis Tadarus Al-Quran kelolaan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang dilancarkan Isnin lalu diteruskan pembacaannya serentak di kesemua empat daerah hari ini. Seramai 1,500 peserta mengikuti Majlis Tadarus berkenaan sebagai pesambah istimewa dalam menyemarakkan lagi Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta pada tahun ini.

Dari jumlah tersebut, lebih 600 peserta bagi Daerah Brunei dan Muara meneruskan pembacaan Al-Quran di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong sejurus menunaikan Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah. Antara yang hadir ialah Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; Pegawai Daerah Brunei Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri. Para peserta Tadarus Al-Quran antaranya terdiri daripada warga perkhidmatan awam, pasukan beruniform, badan-badan swasta dan Non-Government Organization (NGO), Institut Pengajian Tinggi dan Brunei Asset Company.

Majlis tersebut merupakan sumbangan ikhlas rakyat buat raja yang disayangi, demi kedaulatan baginda memerintah di atas takhta yang juga meneraju negara ke arah pembangunan yang pesat dan maju sehingga seluruh rakyat jelata mengecapi keamanan dan hidup perpaduan yang harmoni. Majlis juga bagi diadakan bagi memanjatkan doa ke hadrat Allah SubhanahuWata'ala agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dilanjutkan usia dan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam dengan hidayah dan inayah Allah Subhanahu Wata'ala.



MAJLIS KESYUKURAN SEMBAHYANG FARDHU MAGHRIB DAN ISYAK BERJEMAAH, MEMBACA SURAH AL-WAQIAH, SURAH AL-MULK, TAHLIL DAN DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS KDYMM MENAIKI TAHTA.



RABU, 4 OKTOBER. - 50 tahun memerintah di atas takhta merupakan suatu tempoh yang matang dalam mentadbir Negara sehingga berupaya menjadikan Negara Brunei Darussalam yang berdaya saing dari segi perkembangan dan pembangunan infrastruktur, prasarana, teknologi, sosioekonomi dan sebagainya. Perkara itu jelas terbukti melalui apa yang negara capai dan kita selaku rakyat serta penduduk yang berpaksi di bumi Darussalam nikmati hari ini di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kepimpinan Kebawah DYMM sangat menitikberatkan dan peka dengan segala kehidupan rakyat lebih-lebih lagi dalam hal keagamaan dan ia dapat dilihat dengan keberangkatan baginda berangkat menyertai ribuan jemaah di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong bagi Majlis Kesukuran, Sembahyang Fardhu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Al Waq'i'ah, Surah Al-Mulk, Tahlil dan Doa Kesukuran sempena Sambutan Jubli Emas Baginda Menaiki Takhta. Berangkat sama, padukapaduka anakanda dan adinda Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen serta Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan Kebawah DYMM dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta serta Pengerusi-Pengerusi Bersama Jawatankuasa Sektoral Rancangan-Rancangan Keugamaan dan Majlis Kesukuran



sempena Sambutan Jubli Emas iaitu Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. Sejurus Azan Fardu



Maghrib dilaungkan jam 6.11 petang, Sembahyang Fardu Maghrib didirikan diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal. Majlis kemudian disusuli dengan bacaan Surah Al-Waqi'ah, Surah Al-Mulk dan Tahlil dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin. Sementara Doa Kesukuran pula dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Setelah itu, Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah didirikan yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar. Kemuncak Sambutan Jubli Emas Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta ialah Istiadat Perbarisan Kawalan Kehormatan, Majlis Istiadat Mengadap dan Istiadat Perarakan Mengelilingi Bandar Seri Begawan yang akan berlangsung pada 5 Oktober, iaitu detik yang ditunggu-tunggu bukan sahaja oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini, malah masyarakat dari luar negara.



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS KHATAM SEMPENA JUBLI EMAS



RABU, 11 OKTOBER. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta. Majlis yang penuh keberkatan itu berlangsung di Istana Nurul Iman.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar serta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, selaku Penggerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta. Turut menjunjung, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman; Mufti Kerajaan Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned; Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar; Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar dan Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Setia Haji Awang Mohammad Nawawi bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha selaku Penasihat-penasihat Bersama Jawatankuasa Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Jubli Emas KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta serta Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, selaku Pengerusi-pengerusi Bersama Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Jubli Emas KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.





Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel. Turut berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuru Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah serta Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah. Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan kerabat diraja yang lain. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha beramai-ramai yang dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Dewan Persantapan Diraja bergema dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada 1,500 peserta khatam bermula dari Surah Adh-Dhuha hingga Surah Al-Masad yang diketuai oleh Awangku Muhammad Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki, naib johan qari Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-59. Para peserta khatam terdiri daripada 750 lelaki dan 750 perempuan yang terdiri daripada gabungan para pegawai kerajaan termasuk pasukan beruniform, persatuan-persatuan bukan kerajaan, pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi tempatan serta graduan biasiswa kerajaan di luar negara, Brunei Assets Company (GLC), perwakilan-perwakilan masyarakat dan orang kurang upaya serta rakyat dan penduduk negara ini. Bacaan Tahtim dibawakan oleh pegawai-pegawai perempuan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan. Sementara Doa Khatam dibacakan oleh Awangku Muhammad Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki.

Manakala bacaan Dikir dan Marhaban dibawakan oleh pegawai-pegawai lelaki dari Jabatan Pengajian Islam, KHEU dan Kementerian Pendidikan. Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan.

Sambungan ke muka surat 74



DIDIK BELIA DEKATI AL-QURAN

AHAD, 12 NOVEMBER. – Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti, Kampong Burung Pinggai Ayer bersama Guru-guru Kelas Al-Quran / Muqadam dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampong (MPK) Burung Pinggai Ayer dan Kampong Sungai Asam mengadakan Pertandingan Ma'asyir, Azan Subuh serta Doa, Bacaan Murattal Surah Al-Mulk dan Membaca Ayat-ayat Lazim di masjid berkenaan.

Sebanyak tujuh kategori dipertandingkan, iaitu Kategori Membaca Ayat-ayat Lazim 6 hingga 9 Tahun Bahagian Lelaki dimenangi oleh Md. Arifan Izzuddin bin Khairul Asmawi dengan pungutan mata 87.3 peratus dan Dk. Nur 'Izzah Iman Maadiah binti Pengiran Mohd. Amiruddin pula menjuarai Bahagian Perempuan dengan 86 peratus. Manakala Johan bagi Kategori Membaca Ayat-ayat Lazim berumur 10 hingga 12 Tahun (lelaki) ialah Md. Hisyamuddin bin Awang Haji Madoon dengan markah 82 peratus dan Bahagian Perempuan pula dirangkul oleh Dayang Nur Aziematul Salwa binti Haji Md. Salani dengan peratus yang sama. Sementara itu, Awang Narawi bin Haji Yahya dan Dayang



Nurul Izatul Hidayah binti Helmy, masing-masing dengan markah 69 dan 89 peratus memenangi bagi Kategori Membaca Surah Al-Mulk Bahagian Lelaki dan Perempuan berumur 15 Tahun Ke atas serta Mohammad Akmal bin Mohd Irwan menjuarai Kategori Azan 15 Tahun Ke Atas.

Hadir menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali. Acara pada hari tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah oleh Pemangku Bilal masjid itu, Awang Haji Lalim bin Haji Majair. Pertandingan ini merupakan salah satu aktiviti yang akan mendampingi masjid.

memberikan peluang penyertaan kepada belia dan beliawanis, jemaah masjid serta penduduk Kampong menyerlahkan kebolehan dalam pendekatan keagamaan. Ia juga merupakan satu cara menyemai minat dalam beribadah.

Selain mengimarahkan masjid dan memeriahkan lagi suasana Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Meneaki Takhta dengan pendekatan aktiviti keagamaan yang seterusnya menyahut hasrat kerajaan, bagi menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir, acara ini juga bertujuan mengaktifkan peranan Jawatankuasa Takmir Masjid melalui pengendalian pertandingan ini.

Di samping menarik minat para penduduk kampong dan sekitarnya untuk datang ke masjid juga menggunakan masjid sebagai tempat membuat aktiviti keagamaan. Adalah juga dihasratkan pertandingan tersebut mendorong para peserta untuk terus membaca dan mencintai Al-Quran serta mencungkil bakat belia-belia, pertandingan ini di samping menarik minat untuk mendampingi masjid.

DIKIR MAULUD BERMULA DI SELURUH NEGARA



AHAD, 19 NOVEMBER. - Semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara terus bergema dengan Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam selama 13 malam berturut-turut bagi memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diraikan setiap 12 Rabiulawal. Majlis Pembukaan Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan Dikir Syarafil Anam

itu berlangsung di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud. Ia dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah beramai-ramai dipimpin oleh tetamu kehormat majlis diikuti dengan bacaan Dikir Assalamualaika yang dibawakan oleh warga Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sementara Dikir Khairuman Udana Laila dibawakan oleh Pasukan Dikir Perangkap dan Pasukan Dikir Zaidana, manakala Dikir Bishahri Udana Laila dibawakan oleh Pasukan Dikir Belimbang Subok dan Pasukan Dikir al-Mutashimun Billah. Selepas itu diteruskan lagi dengan Dikir Alham Maulai yang dibawakan oleh warga Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Pasukan Dikir Teratak Sumur Kampong Bunut dan kemudiannya Dikir Badat Air Pasang dan Dikir Ashraqal yang dibawakan oleh Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah dan Belia Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah. Bagi memberkat, Doa Dikir dibacakan oleh Mudim Haji Suhaili bin Haji Kalong, sementara Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam pula dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat. Majlis tersebut merupakan salah satu syiar dan acara hari-hari kebesaran Islam yang diraikan oleh umat Islam di negara ini dalam menanamkan rasa kasih dan cinta terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta memohon ganjaran teristimewa dan syafaat bagi orang-orang yang berselawat ke atasnya adalah amalan mulia dalam pembentukan jati diri individu Muslim. Majlis Ihya Maulidur Rasul seumpama itu akan diadakan di seluruh negara dengan berkunjung di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong pada Isnin, 20 November.

PELANCARAN KEMPEN KEMASUKAN BELIA MASJID, DAERAH TUTONG

SABTU, 25 NOVEMBER. - Dalam usaha untuk memperkuatkan kehidupan beragama dalam kalangan umat Islam di negara ini, Jabatan Hal Ehwal Masjid memperkenalkan satu organisasi atau perkumpulan belia masjid dengan penuh harapan akan dapat melahirkan generasi harapan agama, bangsa dan negara.

Jabatan Hal Ehwal Masjid mengadakan Majlis Pelancaran Kempen Kemasukan Belia Masjid bagi Daerah Tutong yang berlangsung di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali. Acara diisikan dengan penyerahan senarai nama Kumpulan Belia Masjid yang berdaftar bagi Tahun 2017 kepada tetamu kehormat dan diselajurkan



dengan penyampaian sijil dan borang pen-daftaran kepada Ketua Belia Sesi 2018 - 2019 bagi setiap masjid di Daerah Tutong. Terdahulu, satu taklimat mengenai belia masjid disampaikan oleh Ketua Unit Belia, Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Yusli bin Haji Ashli. Majlis antara lain untuk menambahkan lagi keramaian belia dan beliawanis masjid serta memberi peluang bagi peserta mengikuti aktiviti takmir belia dan

beliawanis masjid, selain untuk melahirkan Belia dan Beliawanis yang suka kepada masjid.

Para belia atau beliawanis masjid juga dilatih dan diajar dalam kehidupan bermasyarakat, sekali gus dapat mendisiplinkan diri sendiri agar dapat menjadi insan yang beriman lagi berilmu, berakhlik mulia dan dapat dijadikan contoh kepada generasi pada masa akan datang.

Pertubuhan awal belia masjid yang bermula pada tahun 2000 Masihi yang lalu diharap akan dapat melahirkan belia dan beliawanis berganding bahu mewujudkan generasi berwawasan serta dapat bersaing secara sihat bagi menghidupkan dan menyemarakkan lagi syiar Islam dalam kehidupan dunia yang mencabar.

DIKIR MAULUD 12 MALAM BERTURUT-TURUT BERAKHIR



JUMAAT, 1 DISEMBER. – Sempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang disambut pada 12 Rabiulawal setiap tahun, semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara mengadakan Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam selama 12 malam berturut-turut mulai dari 1 Rabiulawal 1439 yang lalu. Majlis Penutup Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi

Kementerian Hal Ehwal Ugama diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien. Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman yang seterusnya mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah. Dikir Assalamualaika yang dibawakan oleh Kumpulan Dikir Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan dan Kumpulan Dikir Jabatan Penjara memulakan acara pada malam itu.

Kemudian Dikir Khairuman Nur Muhammad dilaungkan oleh Pejabat Hal Ehwal Masjid (PHEM), Daerah Brunei dan Muara serta Kumpulan Dikir Masjid Mohamed Bolkiah, Kampong Serusop. Laungan Dikir Bishahrin Rasulullah diteruskan oleh Kumpulan Dikir

Kampong Belimbing bersama Kumpulan Dikir Kampong Subok. Bacaan Dikir Alhamdulillah Allah meneruskan majlis yang dibawakan oleh Kumpulan Dikir Basmida dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB). Laungan dikir seterusnya adalah Dikir Badat Kopi dibawakan sekali lagi oleh Kumpulan Dikir Kampong Belimbing dan Kumpulan Dikir Kampong Subok serta diakhiri dengan Dikir Ashrakal juga sekali lagi dibawakan oleh PHEM, Daerah Brunei dan Muara bersama Kumpulan Dikir Masjid Mohamed Bolkiah, Kampong Serusop.

Sementara itu, Doa Dikir dibacakan oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Mudim Awang Haji Metassim bin Haji Metusin serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kuncang. Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, selaku Penghulu Mukim Kota Batu; Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Roslan bin Haji Taja'ah; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Serudin bin Haji Timbang.

MASJID PEHIN KHATIB ABDULLAH TERIMA WAKAF KERETA JENAZAH

SELASA, 12 DISEMBER. - Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampong Kulapis kini telah

memiliki dua buah kereta jenazah yang baharu bagi kemudahan mereka yang memerlukan. Wakaf kereta-kereta jenazah tersebut masing-masing disumbangkan daripada keluarga hamba Allah, manakala sebuah lagi daripada keluarga Allahyarham Haji Mohiddin bin Haji Momin.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Zainal bin Haji Othman dan Imam masjid berkenaan, Awang Haji Mohammad Burhanuddin bin Haji Damit. Terdahulu, Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh



Awang Haji Mohammad Burhanuddin dan kemudiannya Awang Haji Zainal seterusnya mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai. Majlis diikuti dengan Dikir Syarafil Anam bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tahun ini daripada pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama serta para jemaah dari

penduduk Kampong sekitarnya. Turut hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Awang Haji Zulkifli bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah dan Pemangku Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Abang Haji Hadzmin bin Abang Haji Taha. Wakaf merupakan salah satu daripada amalan sedekah yang sangat-sangat dituntut oleh Islam. Sepertimana juga amalan sedekah yang lain, amalan ini telah dijanjikan dengan ganjaran yang amat besar oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada pewakafnya. Malah, apa yang lebih istimewa lagi adalah pahalanya akan kekal berpanjangan selagi harta yang diwakafkan masih wujud dan boleh dimanfaatkan walaupun pewakafnya meninggal dunia.

LAWATAN KERJA MENTERI HAL EHWAL UGAMA KE DAERAH TEMBURONG



SABTU, 23 DISEMBER. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman memulakan lawatan kerja selama dua hari ke Daerah Temburong yang telah pun bermula pada Jumaat, 22 Disember 2017.

Antara hasrat Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengadakan lawatan kerja tersebut adalah untuk mengetahui secara lebih dekat mengenai perkembangan perkhidmatan ugama di Daerah Temburong dan isu-isu yang dihadapi oleh penduduknya serta meninjau kebijakan saudara-saudara baharu dan golongan yang kurang berkemampuan di daerah tersebut. Lawatan kerja Yang Berhor-

mat dimulakan dengan lawatan ke Masjid Kampong Batu Apoi bagi mengerjakan Sembahyang Fardhu Jumaat dan seterusnya beramah mesra bersama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Batu Apoi.

Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan meneruskan lawatan ke Balai Ibadat Kampong Sibut. Selesai Sembahyang Fardhu Maghrib, Yang Berhormat kemudian menyaksikan Bengkel Dikir Belia-Beliawanis Mualaf, serta menyempurnakan penyampaian Sijil Lantikan Ahli Jawatankuasa Takmir Balai Ibadat Kampong Sibut Sesi 2017 - 2019.



70 BELIA SERTAI PROGRAM PERKHEMAHAN ASH-SHALIHEEN KALI KE-3

AHAD, 24 DISEMBER. - Seramai 70 belia yang mengikuti Program Perkhemahan Ash-Shaliheen Kali Ke-3, 'Bukan Belia Biasa' menerima sijil masing-masing pada majlis penutup yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta ialah Pemangku Ketua Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yusli bin Haji Ashli.



Awang Haji Yusli dalam ucapannya yang akan dihadapi pada masa kini dan menyarankan kepada para peserta belia supaya akan dapat mengambil pengajaran dengan aktiviti dan kegiatan yang sudah diaturkan kerana terdapat pelbagai pengaruh belia Islam di era yang amat mencabar ini dan juga sering dikaitkan dengan isu sosial yang tidak bermoral sama ada pengaruh persekitaran atau luar negara melalui laman sosial.

Oleh itu katanya, sebagai seorang belia Islam kita haruslah berhati-hati dengan apa generasi belia dan rakan-rakan yang lain,"

"Dengan adanya program seperti ini saya berharap para belia akan berpeluang mendapat ilmu pengetahuan secara informal dari segi kematangan pemikiran, kekuatan fizikal dan juga mental. Semoga dengan program ini nanti para belia akan dapat mencapai satu pembaharuan dalam kehidupan dan menjadi contoh pada

ujarnya. Pada Majlis itu, 'Wira Vengers' dan 'Ainul Mardhiah' diumumkan sebagai kumpulan terbaik program perkhemahan Ash-Shaliheen tahun ini.

Program Perkhemahan yang dianjurkan oleh Belia masjid berkenaan diadakan selama empat hari tiga malam di Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sungai Akar sempena cuti persekolahan hujung tahun.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuk solat berjemaah, tilawah Al-Quran, qiyamullail, sesi muhasabah ibu bapa dan muhasabah ukhuwah serta aktiviti-aktiviti berpasukan seperti tower building, menaikkan bendera dan explorace.

Antara objektif program ini ialah untuk menghayati ilmu Islam mengenai tujuan hidup di dunia dan mengamalkan cara hidup Islam berlandaskan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

PESERTA PROGRAM KEM IBADAH TERIMA SIJIL



di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Mukim Kiudang. Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan sijil ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

SABTU, 9 DISEMBER. - Festival Disember Brunei 2017 merupakan perayaan pertama yang dianjurkan oleh Lembaga Pelancongan Brunei (LPB) dengan kerjasama beberapa pihak yang berkepentingan di negara ini. Matlamat festival tersebut adalah bagi menyatukan beberapa acara dan aktiviti menarik yang dianjurkan oleh pelbagai pengurus acara yang diadakan pada bulan Disember ini, iaitu sempena musim cuti persekolahan.

Salah satu aktiviti Festival Disember Brunei 2017 meliputi Program Kem Ibadah yang diungkayahkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Pejabat Hal Ehwal Masjid setiap daerah dan ahli jawatankuasa takmir masjid. Seramai 74 belia dan beliawanis masjid menyertai kem berkenaan bagi Daerah Tutong berakhir dengan Majlis Penutup bertempat

Kem yang berlangsung selama dua hari tersebut diisikan dengan pelbagai aktiviti kerohanian, kempen kebersihan, ceramah, riadah, membuat lawatan dan sebagainya. Antara tujuan ialah untuk mengisi masa lapang aktiviti para belia dan beliawanis masjid sewaktu cuti persekolahan, selain untuk melatih para peserta agar mendekatkan diri dengan masjid dan mengikuti aktiviti yang diungkayahkan oleh pihak masjid. Dengan adanya program tersebut dapat memberikan ilmu pengetahuan serta memperbaiki akhlak para peserta sehingga dapat menjadikan belia harapan agama, bangsa dan negara. Program seumpamanya juga akan dilaratkan lagi ke Daerah Temburong pada 15 hingga 16 Disember.


MASJID RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA KAMPONG PANDAN, DAERAH BELAIT

Masjid RPN Kampong Pandan, Daerah Belait telah dibina pada 18^{hb} Mac 1994 diatas tapak tanah seluas 6.5 ekar dan siap pada 17^{hb} Disember 1995. Masjid ini secara

rasminya dibuka untuk kegunaan ramai pada 28^{hb} Februari 1996. Pembinaan masjid ini menelan belanja sebanyak \$14,000,000.00 dimana ia juga dibina demi memastikan ianya dapat menampung seramai 1,100 orang Jemaah. Masjid ini dibina dikawasan ini kerana untuk memudahkan penduduk Rancangan Perumahan Kampong Pandan menunaikan ibadat dengan lebih senang dan selesa. Diantara kemudahan-kemudahan yang terdapat di masjid ini adalah khutubkhanah, tempat wudhu dan sudut sembahyang bagi Jemaah perempuan.



Tempat wudhu yang
disediakan di Masjid
RPN Kampong Pandan



Mimbar
di masjid RPN
kampong Pandan

Khutubkhanah di masjid ini terletak disudut disudut belakang bilik utama sembahyang dimana sudut ini juga digunakan oleh ahli-ahli muslimah dan AJK Takmir sebagai tempat mesyuarat, bilik kursus dan tempat mengaji. Bahan-bahan bacaan yang terdapat di sudut khutubkhanah ini disediakan oleh bahagian perpustakaan, Jabatan Hal Ehwal Masjid dan ada juga yang di wakafkan oleh orang ramai. Khutubkhanah ini, menggalakkan lagi orang ramai untuk lebih rajin membaca disamping berikhtikaf di dalam masjid.

Salah satu perkhidmatan yang telah disediakan dimasjid ini adalah kelas Al-Quran dan Muqaddam yang dadakan setiap hari jumaat dengan membekalkan guru-guru mengaji yang diiktiraf oleh *Majlis Ugama Islam Brunei*.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS KHATAM SEMPENA JUBLI EMAS



Sambungan dari muka surat 65

KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudian berkenan menerima junjung ziarah daripada peserta-peserta khatam Al-Quran lelaki, sementara KDYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah daripada para peserta khatam Al-Quran perempuan. DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah juga berkenan menerima junjung ziarah daripada peserta-peserta Khatam Al-Quran. Majlis membaca ayat-ayat suci Al-Quran hingga khatam 30 juzuk bagi setiap peserta telah bermula dengan majlis pelancarannya pada 25 September lalu di Jame' Asr Hassanal Bolkiah.

Ia merupakan pesambahan rakyat kepada raja yang sangat dikasihi serta memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala\ agar KDYMM dilanjutkan usia, sihat walafiat dan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam dengan hidayah serta petunjuk-Nya. Acara keagamaan anjuran Jawatankuasa Sektoral Rancangan- Rancangan Keugamaan dan Majlis Kesyukuran ini adalah bagi memohon keberkatan agar Negara Brunei Darussalam sentiasa mendapat perlindungan daripada Allah dan menyahut seruan titah KDYMM untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah Negara Zikir yang sentiasa mengagungkan Allah serta ke arah Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur.

Diterbitkan Oleh:

Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama
Simpang 15, Jalan Sumbiling, Bandar Seri Begawan BA2110, Negara Brunei Darussalam.
Telefon: +673 2223 275, Fax: +673 2226 258

Website: www.kheu.gov.bn

Emel: wadahmasjid@gmail.com

Facebook: [Jabatan Hal Ehwal Masjid](#)